

Jabatan Antropologi dan sosiologi  
No. Kelas: .....  
No Perolehan: .....  
Tarikh: .....

PERANAN DAN KEDUDUKAN WANITA LUAR BANDAR  
DALAM SOSIO-EKONOMI  
SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG  
SUNGAI KEMBONG HILIR, BERANANG, SELANGOR

OLEH

NORHAYA BINTI JAPAR  
NO. MATRIK : 59407

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESI  
1993/94

## BAB 1

### PENGENALAN TAJUK

I.1. KAJIAN-KAJIAN LEPAS

I.2. MASALAH KAJIAN

I.3. KONSEP DAN TEORI

a. Peranan

b. Modernisasi

I.4. KEPENTINGAN KAJIAN

I.5. TEMPAT KAJIAN DAN PEMILIHAN SAMPEL

I.6. METODOLOGI KAJIAN

a. Kajian awal

b. Pemerhatian ikut serta

c. Temuramah

d. Perbualan

e. Soal-selidik ( Questionnaires )

## KANDUNGAN

Kandungan bab	Halaman
Penghargaan	(i)-(iii)
Sinopsis	(iii)
Senarai jadual	(iv)-(v)
Peta	(vi)-(vii)
	(viii)-(ix)

## KANDUNGAN BAB

<b>BAB 1: PENGENALAN TAJUK</b>	
Pengenalan	1-4
1.1 Kajian lepas	4-7
1.2 Masalah kajian	7-9
1.3 Konsep dan teori	9
(a) Peranan	9-14
(b) Modernisasi	14-19
1.4 Kepentingan kajian	20-21
1.5 Tempat kajian dan pemilihan sampel	21-22
1.6 Metodologi kajian	22-25
(a) Kajian awal	
(b) Pemerhatian ikut serta	
(c) Temuramah	
(d) Borang soal selidik	
Nota hujungan	26-27
<b>BAB 2: LATAR BELAKANG KAMPUNG</b>	
Pengenalan	28
2.1 Sejarah Kampung Sungai Kembong Hilir	28-33
2.2 Penggunaan tanah	33-36
2.3 Latar belakang demografi	36-38
2.4 Latar belakang ekonomi	38-44
2.5 Latar belakang kemudahan sosial	44-46
2.6 Latar belakang organisasi	47-48
Nota hujungan	49
<b>BAB 3: WANITA DAN EKONOMI</b>	
Pengenalan	50
3.1 Struktur umur, taraf dan jenis pekerjaan	50-51
3.2 Pekerja sebagai anak perempuan, isteri dan ibu	51-59
3.3 Routine kerja wanita Kampung Sungai Kembong Hilir	59-61
3.4 Surirumah (tidak bekerja)	62-64
3.5 Penutup	65-70
	71

<b>BAB 4: WANITA SEBAGAI ISTERI DAN Ibu</b>	<b>72</b>
Pengenalan	72-73
4.1 Beban mengasuh	73-76
4.2 Tanggapan isteri bekerja dan tidak bekerja terhadap beban mengasuh	76-78
4.3 Beban mengasuh di antara surirumah dengan isteri yang bekerja	78
4.4 Perbezaan beban surirumah dengan isteri bekerja	78-82
4.5 Urusan rumah tangga; memasak, membasuh menggosok pakaian	82-87
4.6 Urusan-urusan luar; tidak formal dan formal	87-92
4.7 Penutup	93
Nota hujungan	94
<b>BAB 5: RUHUSAÑ</b>	<b>95</b>
Pengenalan	95-97
5.1 Latar belakang yang membawa perubahan Peranan wanita dalam ekonomi	97-103
(a) Kepentingan ekonomi	
(b) Pelajaran	
(c) Umur wanita	
(d) Status perkahwinan	
(d) Perubahan sosial	
5.2 Pandangan masyarakat kampung terhadap peranan wanita sebagai surirumah	103-104
5.3 Pandangan masyarakat terhadap peranan wanita bekerja	104-106
5.4 Saranan dan cadangan	106-111
5.5 Penutup	111-112
Nota hujungan	113-114
<b>Bibliografi</b>	<b>115-117</b>
Lampiran 1: Jadual 3.6	
Lampiran 2: Gambar	
Lampiran 3: Borang soal-selidik	

## BENGHARGAAN.

Syukur alhamdulillah, kerana dengan izin Allah S.W.T., latihan ilmiah ini dapat disiapkan dengan jayanya. Di sini saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah saya yang tidak terhingga kepada mereka-mereka yang selama ini telah banyak membantu dan memberi sokongan serta dorongan kepada saya.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih khasnya saya tujukan kepada penyelia latihan ilmiah ini iaitu Dr. Muhammad Ikmal bin Said yang selama ini telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, panduan, nasihat, dorongan serta kritikan yang berguna sepanjang beliau membantu meneliti latihan ilmiah ini sehinggalah penulisan ini selesai dengan jayanya.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun secara tidak langsung dalam penulisan ini terutama:

- a. Penolong Pegawai Daerah Mukim Beranang serta kakitangannya.
- b. Penghulu Mukim Beranang serta kakitangannya.
- c. Ketua Kampung Sungai Kembong Hilir, Tuan Haji Nordin serta keluarga.
- d. Semua penduduk Kampung Sungai Kembong Hilir, yang terlibat sepenuhnya dalam kajian ini.
- e. Rakan-rakan seperjuangan di Jabatan Antropologi dan Sosiologi.
- f. Rakan seperjuangan, Nooraini yang telah banyak membantu dari awal sehingga selesai latihan ilmiah ini.

Sekian.

## SINOPSIS.

Latihan ilmiah ini memberi penekanan kepada peranan dan kedudukan kaum wanita Melayu luar bandar hari ini. Penekanan khusus adalah sekitar perubahan peranan wanita luar bandar dalam ekonomi dan kesannya kepada hubungan wanita dalam keluarga dan di luar rumah tangga. Saya memberi panduan kepada golongan wanita yang sudah berkahwin serta anak-anak perempuan mereka.

Dalam bab satu, saya mengemukakan pendahuluan serba ringkas mengenai kajian ini. Ini termasuklah bidang kajian, kajian-kajian lepas, masalah kajian dan kaedah-kaedah yang digunakan semasa menjalankan penyelidikan ini. Konsep dan teori juga dikemukakan dalam bab ini untuk dihubungkaitkan dengan masalah kajian ini.

Dalam bab dua, seterusnya memberi serba sedikit latar belakang kawasan kajian seperti latar belakang sejarah, penggunaan tanah, ekonomi, sosial dan demografi tempat kajian untuk mendapatkan gambaran ringkas suasana di kampong ini.

Seterusnya dalam bab tiga, penekanan dikhurasukan kepada penglibatan wanita dalam sektor ekonomi. Aspek utama yang ditekankan ialah penglibatan mereka dalam kepelbagai aktiviti ekonomi dan faktor-faktor yang memungkin-

kan perubahan ini.

Bab empat pula meninjau hubungan wanita dengan keluarga dan bagaimana perubahan penglibatan wanita dalam ekonomi mempengaruhi tugas mereka sebagai surirumah, isteri dan ibu selama ini. Dilihat juga hubungan wanita dengan jiran tetangga dan aktiviti sosial melalui saluran KEMAS.

Sebagai rumusan, bab lima mengimbas kembali secara ringkas permasalahan yang dikaji serta penemuan-penemuan utama yang didapati hasil daripada kajian yang dijalankan ini. Dilihat jugasejauh manakah hujah dan saranan yang dikemukakan sebelum ini adalah tepat di tempat kajian. Bab lima ini juga menekankan faktor-faktor pendorong dan penghalang aktiviti seseorang wanita dalam ekonomi seperti taraf ekonomi, pelajaran, umur wanita dan perubahan sosial yang berdasarkan kepada masyarakat yang dikaji. Kemudian dibuat kesimpulan berdasarkan kajian dan penyelidikan oleh saya dan oleh pengkaji tempatan mahupun pengkaji Barat berhubung dengan aspek penyelidikan ini. Sekian.

**SENARAI JADUAL.**

Jadual 2.1: Pola guna tanah Kampung Sungai kembong Hilir, 1993.

Jadual 2.2: Pembahagian ahli keluarga menetap dan tidak menetap mengikut umur di kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

Jadual 2.3: Pembahagian jantina ahli keluarga menetap dan tidak menetap Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

Jadual 2.4: Pembahagian jenis pekerjaan penduduk Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

Jadual 2.5: Pembahagian jumlah pendapatan isirumah Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

Jadual 2.6: Pembahagian tenaga buruh berdasarkan kumpulan umur di Kampung Sungai kembong Hilir, 1993.

Jadual 2.7: Kemudahan sosial yang terdapat di kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

Jadual 2.8: Pembahagian keluarga asas dan luas di Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

Jadual 3.1: Tenaga buruh wanita Kampung Sungai kembong Hilir, 1993.

Jadual 3.2: Hubungan taraf pekerjaan dengan umur wanita Kampung Sungai Kembong Hilir.

Jadual 3.3. Tempat kerja wanita kampung Sungai kembong Hilir, 1993.

Jadual 3.4: Jenis pekerjaan wanita Kampung Sungai kembong Hilir, 1993.

Jadual 3.5: Taraf pekerjaan wanita bekerja Kampung Sungai kembong Hilir, 1993.

Jadual 3.6: Hubungan jenis pekerjaan dan pendapatan kaum wanita kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

Jadual 3.7: Taraf wanita dalam keluarga.

Jadual 3.8: Bahagian pendapatan wanita yang disumbangkan untuk perbelanjaan isirumah.

Jadual 3.9. Kumpulan umur suri rumah tangga Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

Jadual 3.10: Taraf pendidikan surirumah Kampung Sungai kembong Hilir, 1993.

Jadual 3.11: Pergantungan surirumah Kampung SDungai kembong Hilir, 1993.

Jadual 3.12: Aktiviti Surirumah yang tidak bekerja Kampung Sungai kembong Hilir, 1993.

Jadual 4.1: Institusi mengasuh isteri bekerja Kampung Sungai kemnbong Hilir, 1993.


Jadual 4.2: Tanggapan isteri bekerja terhadap beban mengasuh, Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.


Jadual 4.3: Tanggapan Isteri terhadap bantuan suami dalam urusan rumah tangga: memasak, memasuh dan menggosok pakaian.


Jadual 4.4. membuat keputusan bagi penduduk kampung sungai kembong Hilir, 1993.

## PETA


Peta negeri Selangor menunjukkan mukim Beranang, di mana terletaknya Kampung Sungai Kembong Hilir.







## PETA MENUNJUKKAN KEDUDUKAN KPG. SG. KEMBONG HILIR DENGAN KAMPUANG-KAMPUANG BERHAMPIRAN.



## PENGENALAN

Revolusi industri yang berlaku di abad ke19 telah memperkenalkan sistem kilang yang membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat. Wanita juga diperlukan dalam proses ini. Ini bermakna kaum wanita juga memainkan peranan penting memberi sumbangan besar dalam pembangunan dan kemajuan negara.

Di Malaysia, penglibatan wanita sebagai tenaga buruh dalam sektor perindustrian menunjukkan peningkatan dalam tempoh masa dua puluh tahun iaitu dari tahun 1970 hingga 1990. Sebaliknya peratus penglibatan wanita sebagai tenaga buruh dalam sektor pertanian iaitu sektor ekonomi utama penglibatan kaum wanita sebelum berlakunya revolusi industri, menurun. Pada tahun 1970, wanita merupakan 31.0% daripada tenaga kerja dalam sektor industri; 32.7% pada tahun 1980 dan 35.0% pada tahun 1990.<sup>1</sup> Bagi sektor pertanian pula, pada tahun 1970, wanita merupakan 66.8% daripada tenaga kerja dalam sektor pertanian. 46.3% pada tahun 1980 dan 35.0% pada tahun 1990.<sup>2</sup> Peningkatan penglibatan kaum wanita dalam sektor industri disebabkan oleh permintaan buruh yang tinggi.

Pada zaman pra-kolonial, bidang politik dimonopoli oleh kaum lelaki.<sup>3</sup> Masyarakat tradisional telah disosialisasikan bahawa tempat wanita adalah di rumah, menyebabkan mereka tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti di luar rumah.

Walau bagaimanapun dengan pengenalan sistem pendidikan formal yang dibawa oleh pihak British pada tahun 1930an, ramai wanita terutamanya golongan atasan telah mula memainkan peranan di luar dari tugas-tugas rumahtangga.<sup>4</sup> Kaum wanita mula menyertai badan-badan sukarela. Walau bagaimanapun, badan-badan ini tidak berorientasikan matlamat politik, ianya hanya berdasarkan kepada objektif untuk meningkatkan taraf hidup kaum wanita. Pertubuhan wanita yang pertama adalah Kesatuan Guru-guru Wanita Melayu yang diketuai oleh Hajah Zain Sulaiman, 1929; yang mempunyai objektif untuk meningkatkan taraf hidup kaum wanita Melayu.<sup>5</sup> Kemudian diikuti oleh dengan penubuhan Persatuan Kaum Ibu yang merupakan landasan kepada perkembangan semangat nasionalisme dikalangan kaum wanita Melayu.

Ini semua menunjukkan bahawa penglibatan wanita dalam politik bermula sejak awal lagi. Apabila kaum lelaki memulakan usaha untuk mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah, sudah terdapat pejuang-pejuang wanita. Dalam tahun 1946, sudah dimulakan perbincangan untuk menubuhkan bahagian wanita dalam UMNO dan ini dicapai dalam tahun 1949.<sup>6</sup> Bolah dikatakan sumbangan wanita dalam politik amat menggalakkan. Hak mengundi telah diperolehi tanpa banyak soal. Walaupun begitu kita masih mengharapkan lebih ramai perwakilan wanita dalam badan-badan kerajaan terhasil.

Penglibatan kaum wanita dalam pembangunan sosial juga semakin menggalakkan. Ini dilihat dari penubuhan pelba-

gai badan sosial yang berkait dengan wanita sebagai menyatakan seruan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memperbaiki kesedaran kaum wanita tentang peranan dan kedudukan mereka. Sebagai contoh, pada 30 Ogos 1975, Majlis Kebangsaan bagi mengintegrasikan wanita dalam Pembangunan (NACIWID), telah ditubuhkan. Penubuhan NACIWID adalah dalam usaha untuk menentukan penglibatan wanita yang maksimum dalam perancangan negara. Ia juga berfungsi menimbulkan kesedaran di kalangan wanita mengenai peranan dan tanggungjawab mereka terhadap pembangunan negara dan seterusnya menentukan penyertaan wanita dalam pembangunan negara dengan memberi keutamaan kepada wanita luar bandar.<sup>7</sup> Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar memainkan peranan untuk menimbulkan kesedaran wanita luar bandar supaya berusaha memperbaiki kedudukan mereka dalam masyarakat dengan memberi penekanan terhadap pelajaran dan latihan, kesihatan, perundangan, penyebaran maklumat dan pembangunan keluarga.

Dalam konteks pembangunan keluarga, peranan wanita adalah penting untuk diambil kira. Ini kerana peranan wanita tidak dapat dipisahkan daripada dunia kekeluargaan dan kejayaan-kejayaan sesebuah negara itu mempunyai perkaitan yang erat dengan sumbangan yang diberikan oleh wanita yang mengendalikan keluarganya.<sup>8</sup> Selain daripada itu, peranan lain yang dimainkan oleh wanita adalah dari segi kesanggupan mereka melibatkan diri dalam sektor ekonomi

formal.

Arus penglibatan kaum wanita dalam sektor perindustrian, politik dan pembangunan sosial menunjukkan negara kita sedang mengalami proses modenisasi. Arus ini seterusnya meresapi masyarakat luar bandar dan memberi kesan kepada peranan dan kedudukan wanita luar bandar.

Keseluruhannya kajian ini melihat bagaimana proses modenisasi membawa perubahan terhadap peranan wanita sebagai isteri dan ibu, khususnya dalam keadaan di mana kaum wanita semakin terlibat dalam aktiviti ekonomi, sosial dan politik. Fokus perbincangan perubahan peranan wanita ini dibuat terhadap dua dimensi; pertama dari segi penglibatan wanita dalam guna tenaga. Kedua, dari segi sikap dan peranan wanita dalam keluarga dan masyarakat keseluruhannya.

### I.I. KAJIAN-KAJIAN LEPAS.

Terdapat beberapa kajian lepas yang menyentuh tentang peranan dan kedudukan wanita luar bandar. Di antaranya adalah kajian yang dilakukan oleh Dr. Azizah Kassim untuk tesis M.A. beliau pada tahun 1970. Beliau melihat kedudukan wanita dalam masyarakat Beradat Perpatih di Negeri Sembilan. Beliau menggambarkan kedudukan wanita Adat Perpatih adalah istimewa jika dibandingkan dengan wanita lain. Ini kerana kepentingan yang diberikan kepada wanita dalam menyusur-galurkan keturunan dan kekeluargaan dalam

kelompok perut dan suku serta hak kaum wanita terhadap tanah pusaka yang dikenali sebagai tanah adat.<sup>9</sup> Pemilikan tanah pusaka yang luas dan bilangan ahli keluarga yang ramai adalah petunjuk kekayaan. Oleh yang demikian wanita adat yang bakal mewarisi harta yang banyak tinggi prestijnya.<sup>10</sup> Tetapi keistimewaan ini kian merosot bila tanah adat merosot nilai ekonominya dan ahli masyarakat adat pula ada punca mata pencarian alternatif yang lebih lumayan di tempat-tempat lain, maka pemilikan harta pusaka, oleh wanita tidak besar maknanya. Ini adalah kesan dari beberapa perubahan yang berlaku dalam bidang sosio-ekonomi dan dari segi geografi pada masa kini. Proses pembangunan yang berlaku dengan penekanan yang diberikan kepada perindustrian, mengurangi kepentingan pertanian menyebabkan pergantungan umum kepada tanah berkurangan dalam masyarakat Adat Perpatih. Wanita-wanita adat Perpatih hari ini tidak dapat lagi menetap di rumah dan tanah pusaka tetapi di tempat-tempat lain di mana Adat Perpatih tidak berkuasa.<sup>11</sup>

Micheal Swift turut mengkaji peranan dan kedudukan wanita Adat Perpatih di Negeri Sembilan pada tahun 1965. Beliau turut melihat bagaimana perwarisan tanah pusaka disusur-galurkan melalui ibu kepada anak perempuan sebelum pentadbiran British.<sup>12</sup>

Maznah Mohammad pula mengkaji peranan dan kedudukan wanita luar bandar di Kampung Penia, Kubang Pasu,

Kedah. Di dalam tulisan beliau yang berjudul 'Gender, class and the sexual division of labour in a rural community in Kedah', beliau meneliti bagaimana kelas dan jantina memainkan peranan dalam mendefinisikan kedudukan wanita dalam kegiatan produksi dan reproduksi di sebuah perkampungan Melayu.<sup>13</sup> Berdasarkan kaedah pemerhatian luar dan benci ke atas 36 buah isirumah, beliau menghujahkan bahawa pencapaian wanita terhadap sumber-sumber produktif tidak mendatangkan faedah yang sama seperti kaum lelaki. Dari segi keduadua peringkat keluaran dan tukaran dalam penanaman padi dan getah, wanita mengalami keadaan kebelakangan. Peranan wanita sebenarnya masih berada dalam bidang reproduksi yang bercorak 'private' dan domestik. Walau bagaimanapun, hierarki juga wujud dalam kegiatan reproduksi. Ini berdasarkan umur dan kelas.

Cecilia Ng, turut mengkaji peranan dan kedudukan wanita luar bandar di kampung Semanggol, Krian, Perak, dibawah tajuk tulisan 'Gender and the division of labour: A case study'. Melalui pemerhatian luar beliau ke atas 35 buah isirumah yang menjalankan aktiviti penanaman padi, beliau telah membahagikan isirumah tersebut kepada tiga kumpulan iaitu susah, sederhana dan senang. Di bawah ketiga-tiga kumpulan ini, beliau menghuraikan, peranan seseorang wanita itu bukan sahaja sebagai seorang isteri dan ibu, malah ia juga merupakan sumber pengeluaran penting untuk keluarganya dalam aktiviti penanaman padi.<sup>14</sup>

Satu lagi contoh kajian lepas tentang peranan dan

kedudukan wanita luar bandar terdapat dalam tulisan Heather Strange yang berjudul 'Rural Malay Tradition and Transition'. Tumpuan kajian adalah masyarakat luar bandar di kampung Rusila, Terengganu sekitar pertengahan abad ke 16 hingga akhir abad ke 17. Kajian ini melihat bagaimana perubahan peranan dan kedudukan wanita Melayu di tempat tersebut berlaku dengan lebih cepat kesan dari perkembangan pendidikan moden, politik, sosial dan pembangunan ekonomi. Peranan dan kedudukan wanita ini dilihat dari segi penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi, persanakan dan kekeluargaan serta hubungan sosial lain yang dipengaruhi oleh adat dan agama Islam.

#### I.2. MASALAH KAJIAN.

Tujuan kajian ini dijalankan di sebuah kampung adalah untuk melihat sejauh mana perubahan telah meresapi kaum wanita, khususnya kajian ini akan melihat sejauh mana wanita di kampung ini telah berubah dari segi ekonomi dan implikasi perubahan ini terhadap keluarga. Seperti tulisan Hoffman (1976), yang menyarankan peringkat penglibatan wanita yang bersuami akan menyebabkan persamaan peranan di antara wanita dan lelaki, kedua-duanya terlibat dengan fungsi menjaga dan mencari nafkah hidup.<sup>15</sup> Blood dan Hamblin (1958), Hall dan Schrocder (1970) dan Holmstrom (1972), menyatakan kewajipan wanita di luar rumah, kemungkinan besar, pihak lelaki membantu kerja-kerja rumah dan penja-

gaan anak. Walaupun begitu ini tidak memberi implikasi tentang pembahagian tugas yang seimbang. Jadi, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana benar saranan para sarjana ini.

Kajian ini merupakan tinjauan ke atas peranan dan penglibatan wanita dalam bidang sosio-ekonomi. Peranan wanita seringkali dikaitkan dengan urusan rumah tangga iaitu sebagai ibu dan isteri. Walau bagaimanapun perubahan dalam ekonomi serta faktor-faktor lain telah mempengaruhi peranan wanita untuk keluar dari lingkup domestik.

Bab tiga kajian ini akan menyentuh aspek wanita dan ekonomi. Bab ini akan meninjau jenis-jenis pekerjaan yang diceburi oleh wanita kampung ini. Penekanan akan diberikan terhadap faktor yang menyebabkan kaum wanita menceburi aktiviti ekonomi formal serta pendapatan yang mereka perolehi. Dalam erti kata lain penumpuan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana arus pemodenan telah meresapi wanita kampung ini.

Bab empat kajian ini melihat perubahan peranan dan kedudukan wanita dalam keluarga dan hubungan mereka dengan bukan ahli keluarga.

Dari aspek perhubungan dalam keluarga akan dilihat kesan wanita bekerja ke atas pengurusan rumah tangga dalam konteks hubungan dengan suami dan anak-anak. Tumpuan peng-

rusan rumahtangga akan dibahagikan kepada empat perkara iaitu beban mengasuh, institusi mengasuh, urusan rumahtangga; memasak, membasuh dan menggosok pakaian, akhir sekali dalam membuat keputusan. Kajian ini secara tidak langsung adalah kajian perbandingan pengurusan rumahtangga di antara wanita yang bekerja dengan wanita tidak bekerja.

Perhubungan wanita dengan bukan ahli keluarga akan dilihat melalui aktiviti-aktiviti wanita kampung dalam KEMAS (Bahagian Kemajuan Masyarakat). Tumpuan juga diberikan ke atas hubungan jiran tetangga dan peranan yang dimainkan oleh mereka apabila adanya perayaan dan kenduri-kendara.

### I.3. TEORI DAN KONSEP.

#### Peranan.

Individu dilahirkan dalam kumpulan; hidup dalam kelompok keluarga, menjadi ahli komuniti dan masyarakat. Setiap individu mempunyai taraf tertentu dan ini menentukan peranannya (role). Gabungan semua peranan itu menentukan pula kedudukannya dalam masyarakat. Peranan seseorang itu terjelma dalam bentuk hak dan tanggungjawab, lalu menghubungkannya dengan individu yang lain.<sup>16</sup>

Terdapat kontroversi terhadap peranan wanita dan salah satu kontroversi yang penting ialah hubungan peranan wanita dengan ciri biologinya. Dalam bukunya 'Women And Men'

: An Anthropologist View',

Friedl (1975) sebagai mewakili satu pihak, menghuraikan bahawa perbezaan biologi dan psikologi wanita dan lelaki menentukan pembahagian tugas dalam masyarakat. Sebaliknya satu pihak lain, yang dikenali sebagai golongan modenist, menyarankan bahawa peranan jantina tidak dapat ditentukan oleh ciri-ciri biologi tetapi oleh keadaan sosial dan budaya.<sup>17</sup>

Pembahagian tugas berdasarkan jantina adalah satu perkara yang universal. Contoh, aktiviti-aktiviti seperti membina kubu, memburu dan berperang, biasanya dianggap sebagai "masculine", manakala aktiviti yang melibatkan pengurusan rumahtangga seperti memasak, mengasuh anak dan mengemas rumah dianggap sebagai "feminine" (Seward, Williamson, 1970:4).

Menurut Winch (1971:309), kajian Murdock ke atas 244 buah masyarakat di seluruh dunia menunjukkan orang lelaki lebih cenderung membuat kerja-kerja luar seperti menangkap ikan, menjerat binatang, membalaik dan memburu. Sementara peranan kaum wanita pula tertumpu kepada kerja-kerja domestik seperti memasak, mencari kayu api dan bercucuk tanam. Berdasarkan pola ini, Winch menyimpulkan bahawa orang lelaki membuat pekerjaan yang memerlukan kekuatan fizikal, pergerakan yang pantas dan selalu di luar rumah. Manakala kaum wanita pula membuat pekerjaan yang memerlukan

tenaga fizikal yang kurang dan di kawasan yang berhampiran dengan rumah dan dalam jangka masa yang singkat.

Walaupun peranan lelaki dan wanita itu saling melengkapi, ramai yang berpendapat pembahagian tugas antara jantina tidak adil kerana terlalu membebankan wanita. Antara yang berpendapat begini adalah Engles, yang menyatakan wanita itu seakan-akan golongan proletar, sementara lelaki itu golongan burguis.<sup>18</sup> Ini, menurut Engles, wanita bekerja untuk kepentingan lelaki, sebagaimana kaum buruh bekerja untuk orang-orang kaya yang memegang dan mengawal punca pengeluaran.

Satu pendekatan lain yang mencerminkan pendapat yang sama, membezakan peranan wanita dan lelaki menurut ruang 'awam' dan ruang 'domestik' (Rosaldo, 1974). Ruang 'domestik' dikhususkan untuk wanita, manakala ruang 'awam' untuk lelaki. Ruang 'domestik' dikaitkan dengan segala urusan yang berkaitan dengan urusan rumahtangga. Sementara ruang 'awam' pula meliputi tugas di luar lingkup rumahtangga. Pihak lelaki lebih bebas bergerak di ruang 'awam' kerana tidak ada ikatan emosi atau tugas-tugas pengasuhan anak. Oleh itu lebih banyak masa terluang untuk memungkinkan mereka keluar dari ruang rumahtangga.

Menurut pendekatan pertama tadi, faktor utama yang menyebabkan perbezaan peranan jantina adalah faktor biologi. Wanita memang tidak dapat lari dari peranan sebagai

seorang ibu dan isteri. Wanita mempunyai bentuk badan yang sesuai untuk melahirkan dan menyusukan anak. Oleh itu wanita terikat dengan rumah bagi menjalankan aktiviti-aktiviti seperti memasak, mengemas rumah, membasuh pakaian, menjaga anak dan mempunyai masa yang terhad dalam hal-hal di luar rumah. Pendapat ini adalah mengikut Barbara Edward (1963 : 2770). Tambahan lagi wanita dikatakan mempunyai ciri-ciri lemah-lembut (Feminine) yang dianggap sesuai dengan tugas-tugas ringan di sekitar rumah tangga sebagai isteri dan ibu kepada anak-anak. Sebaliknya lelaki dikatakan mempunyai tubuh badan yang perkasa (Masculine) yang memberarkan mereka keluar ke lingkungan 'awam' untuk menjalankan tugas-tugas yang kasar dan berat.

Lama-kelamaan ini menjadi sistem atau salah satu dari pada yang disosialisasikan dalam kehidupan manusia. Ini kemudiannya diiktiraf oleh agama dan norma-norma, masyarakat. Dalam proses sosialisasi, ditekankan pembahagian tugas di antara lelaki dan wanita secara langsung dan tidak langsung. Pada zaman moden, pembahagian tugas di antara lelaki dan wanita ini dipamerkan dalam iklan-iklan yang terdapat di dalam semua jenis media massa; dalam buku-buku cerita dan buku-buku sekolah, dalam permainan kanak-kanak dan juga dalam pendidikan anak-anak sehari-hari oleh ibu bapa. Sejak dari kecil anak diajar tentang pembahagian jantina ini, didesak supaya mematuhiinya dan didenda pula jika menging-

karinya. Akhirnya, setiap individu itu akan menerima sahaja pembahagian tugas tersebut sebagai sesuatu yang betul, yang mesti diikuti, tanpa mempersoalkannya. Fenomena ini seterusnya mempengaruhi wanita di dalam pemilihan pekerjaan 'moden'. Wanita lebih suka memilih kerja yang ada kaitan dengan peranan tradisi mereka. Datin Paduka Rafidah Aziz dalam satu kertas kerja seminar (1975) menunjukkan data-data yang menerangkan hal ini secara terperinci. Mengikut data ini tenaga wanita lebih banyak tertumpu kepada bidang kejururawatan, perbidanan dan perguruan.

Pendekatan kedua, sebaliknya menyatakan bahawa perbezaan peranan wanita dan lelaki menurut ruang 'awam' dan ruang 'domestik' berpunca daripada keadaan sosial dan kebudayaan sesuatu masyarakat pada sesuatu masa. Di Malaysia, kebanyakkan keluarga adalah berdasarkan kepada sistem masyarakat yang menganggap orang lelaki sebagai ketua keluarga. Dalam erti kata lain, lelaki dikatakan sebagai pemimpin keluarga yang memegang tampuk kuasa di dalam keluarga. Walaupun wanita sebenarnya mungkin mengendalikan pelbagai urusan rumah tangga, suami tetap dianggap mempunyai kuasa penuh. Mereka bukan sahaja beranggapan bahawa amalan ini patut dikelakkan, malahan benar-benar mempercayai hakikat tersebut.<sup>19</sup>

Jadi dalam sistem patriarki ini orang lelaki diberi

tanggungjawab untuk mencari nafkah bagi keluarganya. Walaupun kaum wanita sama-sama memberikan sumbangan terhadap ekonomi keluarga tetapi tugas utama wanita adalah menguruskan segala urusan yang berkaitan dengan rumah tangga. Hasil yang diperolehi oleh kaum wanita itu hanya dianggap sebagai sumber pendapatan tambahan kepada sebuah keluarga. Ini kerana "Si suami memegang tanggungjawab utama untuk menye-diakan wang tunai yang cukup, dan merupakan sifat utama sebagai suami yang baik di mata masyarakat."<sup>20</sup> Ini menunjukkan bahawa masyarakat dalam sistem patriarki telah disosialisasikan melalui proses pembudayaan bahawa lelakilah yang bertanggungjawab mencari nafkah untuk keluarga dan fenomena ini sudah sebatasi dengan kehidupan masyarakat setempat. Kepercayaan ini ditekankan lagi melalui kawalan sosial iaitu cara-cara bagaimana tingkah laku seseorang ataupun keseluruhannya dikawal, supaya mengikut tradisi dan pola-pola tingkah laku yang diperlukan untuk melicinkan pergerakan sesuatu masyarakat.

Jadi kajian ini cuba melihat samada kedua-dua aliran pendapat ini terdapat atau tidak di dalam masyarakat kampung yang dikaji.

#### **b. Modernisasi**

Bagi Eisentadt (1966), konsep modernisasi disamaer-tikan dengan konsep pembaratan (westernization), iaitu proses perubahan ke arah sistem sosial, ekonomi dan politik

yang berkembang di Eropah Barat dan Amerika Utara.

Menurut dua orang ahli sosiologi, Susanne dan Lyold Rudolph, dalam buku mereka 'The Modernity Of Tradition' (1967), kehidupan yang dianggap moden itu mengandungi beberapa ciri tertentu. Antara ciri-ciri yang dianggap penting ialah tindakan mengutamakan unsur-unsur sains, kecekapan (effeciency), kegunaan (utility) dan perhitungan, sementara soal emosi, kekudusan dan tindakan yang tidak rasional diketepikan. Ini bermakna modenisasi sama ertinya dengan kemajuan, iaitu materialisme. Kemajuan ini melibatkan penggunaan sains dan teknologi, perindustrian, perdagangan, perbandaran sebagaimana yang berlaku di negara barat dalam masa dua abad yang lampau.

Menurut Alavi (1983 : 209), penyebaran modenisasi adalah penyebaran kuasa kolonial dan neo-kolonial Barat. Kedatangan Barat adalah kedatangan modenisasi dan kedatangan itu juga adalah kedatangan kapitalisme. Pengertian ini ditegaskan oleh Alavi, apabila menyatakan teori-teori modenisasi secara eksplisit adalah teori pembangunan kapitalisme. Pengertian ini dijelaskan oleh Alavi, apabila beliau menyatakan teori-teori modenisasi secara eksplisit adalah teori pembangunan kapitalisme. Kolonial Barat telah membawa pengaruh kapitalisme ke dalam ekonomi orang Melayu pada zaman penjajah. Implikasinya, ekonomi saradiri berubah kepada ekonomi yang berorientasikan pasaran bebas.<sup>21</sup> Sistem

kapitalisme telah memperkenalkan polisi tanah kolonial British yang merupakan salah satu faktor perubahan corak kehidupan masyarakat luar bandar waktu itu. Polisi tanah ini menjadikan tanah sebagai satu komoditi yang berharga, perlu bayar cukai dan dimiliki melalui proses pendaftaran.

Menurut sejarah, masyarakat tani wanita mengalami kerugian yang lebih besar jika dibandingkan dengan kaum lelaki dalam konteks kehilangan hak pemilikan tanah ini.<sup>22</sup> Ini kerana aktiviti utama kebanyakan wanita pada waktu itu hanya tertumpu pada sektor pertanian, kecuali wanita di Pantai Timur, mereka lebih bebas iaitu bergiat aktif dalam bidang perniagaan.

Pada waktu pihak British memainkan peranan mereka menarik ramai pedagang-pedagang dan pemodal-pemodal kapitalis ke Malaysia. Kedatangan para pemodal ini, membawa implikasi berkembangnya industri getah dan perlombongan dan seterusnya menggalakkan pembinaan kilang-kilang memproses bahan-bahan mentah. Pada peringkat awalnya masyarakat Melayu enggan melibatkan diri dalam ekonomi kapitalisme ini. Walau bagaimanapun perkembangan polisi kewangan dalam ekonomi akhirnya memaksa masyarakat setempat terlibat dalam ekonomi kapitalisme.

Kemasukan sistem kapitalisme ini membawa bersama

perkembangan sains dan teknologi, yang banyak mengambil tugas-tugas wanita. Wanita yang dahulunya terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran dan memproses bahan-bahan makanan, pakaian dan alat kegunaan rumahtangga sehari-hari, mendapati kerja-kerja itu telah diambil alih oleh jentera dalam kilang. Akibatnya sumbangan wanita terhadap rumah-tangga semakin merosot. Dalam konteks masyarakat tani misalnya, wanita adalah sumber ekonomi aktif tetapi dalam masyarakat industri wanita ditakrifkan sebagai 'tanggungan' jika tidak bekerja. Kemasukan sistem kapitalisme telah mengurangkan kepentingan wanita dari segi ekonomi, dan wanita mengatasi masalah ini dengan melibatkan diri dalam sistem kerja yang baru. Pekerjaan ini adalah terpisah dari urusan rumahtangga.<sup>23</sup>

Prinsip utama sistem kapitalisme mementingkan keuntungan yang maksimum. Kesannya sistem kapitalisme ini menggalakkan perkembangan teknologi supaya pengeluaran dapat dihasilkan dengan banyak dan cepat bagi memenuhi permintaan. Menurut Karl Marx (1874), dalam ekonomi kapitalisme, tenaga buruh ditindas dengan sepenuhnya bagi menghasilkan nilai lebihan untuk mempasti pemodal memperolehi keuntungan. Wujud sistem pengawalan buruh di dalam sistem ini oleh para pemodal yang mempunyai faktor-faktor pengeluaran seperti tanah dan gudang. Pengawalan buruh adalah dari

segi permintaan dan pembayaran gaji.

Perubahan teknologi seterusnya membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak dengan terbinanya kilang-kilang, menyebabkan permintaan yang tinggi ke atas tenaga buruh. Kaum wanita turut diperlukan untuk menggerakkan industri dan kilang, khususnya dalam bidang-bidang tertentu. Menurut F.Y. Edgeworth (1922), pekerjaan wanita dikelaskan sebagai pekerjaan tidak mahir atau separuh mahir. Kerja-kerja ini selalunya membosankan, memerlukan ketelitian dan kesabaran. Tidak banyak tenaga otak diperlukan untuk menjalankan tugas-tugas ini. Yang penting hanyalah keinginan bekerja dan tenaga. Justeru itu gaji yang dibayar adalah rendah kepada kaum wanita. Pekerja begini terdapat dalam sektor swasta terutama dalam industri pembuatan; seperti kilang elektronik, elektrik, kejurute-raan, kain dan pakaian. contohnya, Noeleen Heyser, dalam kertas kerjanya yang berjudul "The Peripheral Workforce : Young Women and Migrant Workers in Singapore, menyatakan 600 dari 800 orang pekerja dalam sebuah kilang membuat kain di Singapura adalah wanita. Di Malaysia sendiri, fenomena ini boleh didapati di kawasan perindustrian Petaling Jaya, Bayan Baru dan Bandar Baru Bangi.

Kemajuan sains dan teknologi turut membawa terhasilnya pelbagai ciptaan; terciptanya jentera dan teknik untuk mengawal penglahiran anak serta bahan gantian kepada susu ibu, boleh dianggap sebagai ciptaan yang membantu

mengubah terus peranan dan kedudukan wanita.

Begitu juga perkembangan dalam bidang perubatan, membolehkan wanita mengawal tugas biologinya yang berkait dengan kelahiran anak. Terciptanya berbagai-bagai jenis alat pencegah penghamilan, membolehkan wanita sama ada ingin mempunyai anak ataupun tidak. Hal ini amat penting kerana sebagaimana yang telah diuraikan dari awal tadi, terbelenggunya wanita ke dalam rumah tangga adalah disebabkan tugas semulajadinya iaitu melahirkan anak dan memelihara anak. Bila tugas biologi ini dapat dikawal, wanita menjadi agak bebas seperti orang lelaki. Wanita dapat bergiat dalam bidang-bidang sosio ekonomi di luar rumah.

Walaupun wanita sudah bergiat cergas di luar rumah di zaman moden ini, tetapi tugas-tugas 'domestik' iaitu tugas-tugas pengurusan rumah tangga masih lagi dilakukan oleh wanita. Ini menurut F.Y. Edgeworth (1922), kerana lelaki dianggap mempunyai tanggungjawab mencari sumber perbelanjaan untuk keluarganya, sedangkan wanita yang bekerja hanya dianggap sebagai sumber tenaga tambahan.

Jadi kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah proses modernisasi membawa perubahan ke atas corak kehidupan kaum wanita terutama dari segi pengurusan rumah-tangga kesan dari perubahan dalam ekonomi.

### I.3. KEPENTINGAN KAJIAN.

Kajian tentang perubahan peranan dan kedudukan ekonomi wanita luar bandar dan hubungan dengan bentuk-bentuk hubungan keluarga adalah amat penting kerana hal ini belum banyak dikaji. Kajian ini penting kerana dapat menggambarkan perubahan taraf ekonomi kaum wanita dalam waktu sektor pertanian pesat menghadapi perubahan.

Kajian ini juga diharapkan boleh menyumbangkan data-data dan maklumat kepada kerajaan untuk membuat perancangan berkaitan dengan wanita luar bandar. Dengan cara ini kerajaan boleh membuat penyusunan semula berkaitan dengan sumber-sumber tenaga di dalam sesbuah negara ke arah pencapaian matlamat kemajuan negara selepas menimbangkan keperluan jangka pendek dan jangka panjang berdasarkan data-data yang diperolehi berhubung dengan kajian ini.

Kajian ini juga merupakan tanda penghargaan ke atas sumbangan yang diberikan oleh kaum wanita untuk sama-sama membangunkan dan memajukan negara. Dalam ucapan perasmian Muktamar Pertubuhan-pertubuhan Wanita Islam Malaysia yang pertama, 1975, Allahyarham Tun Abdul Razak telah mengatakan :

"Dalam usaha kita berbakti bagi memberi makna kepada kemerdekaan yang kita capai itu, kita juga semestinya merakamkan ucapan terima kasih kepada kaum wanita yang telah bangun bersama-sama dengan

kaum lelaki mengorbankan masa dan tenaga bagi mempastikan kejayaan dan kemajuan negara"<sup>24</sup>

#### I.4. TEMPAT KAJIAN DAN PEMILIHAN SAMPEL.

Kajian ini dijalankan di salah sebuah perkampungan Melayu di Mukim Beranang, Selangor, iaitu Kampung Sungai Kembong Hilir. Kajian ini dilakukan selama dua bulan iaitu sewaktu cuti semester, bermula daripada bulan Mei hingga Jun, 1993.

Kajian ini merupakan kajian yang intensif dan melibatkan pengambilan beberapa sampel dari populasi penduduk kampung. Daripada 63 buah rumah yang terdapat di kampung ini sebanyak 50 buah rumah telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini, bagi mewakili seluruh penduduk kampung. Sampel tersebut terdiri daripada lelaki dan wanita. Pemilihan sampel ini berdasarkan kepada saiz kampung tersebut.

Daripada 50 buah rumah yang dipilih sebagai sampel itu, tumpuan khusus kajian ini adalah kaum wanita. Kriteria pemilihan responden wanita berdasarkan taraf perkahwinan: pengkaji memilih wanita yang telah berumahtangga sebagai responden. Responden dibahagi kepada dua kategori iaitu janda dan yang masih mempunyai suami. Terdapat seramai 12

responden yang dikategorikan sebagai janda, 38 orang responden lain mempunyai suami. Pembahagian seterusnya adalah isteri tidak bekerja dan yang bekerja. Terdapat seramai 19 orang responden yang bekerja dan 31 orang responden yang menjadi surirumah sepenuh masa. Kajian ke atas wanita yang belum berkahwin pula dilihat dari aspek taraf pekerjaan, pendapatan dan pendidikan. Tumpuan khusus kepada golongan wanita yang belum berkahwin tidak dilakukan oleh saya, kerana kajian ini lebih menekankan aspek peranan dan kedudukan wanita yang telah berkahwin.

#### I.5. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat awal dan kajian sebenar.

Di dalam kajian peringkat awal, bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat Melayu luar bandar dan isu mengenai wanita telah dikumpulkan dan dikaji. Tujuan penyelidikan sekunder ini adalah untuk mendapatkan satu gambaran umum tentang perkara yang hendak dikaji di kampung tersebut. Kunjungan awal ke kampung tersebut telah dibuat sebelum dijalankan kajian sebenar. Tujuannya adalah untuk mendapatkan gambaran umum tentang situasi kampung tersebut. Sewaktu kunjungan awal, pengkaji menemui orang terpenting di tempat kajian tersebut, iaitu ketua kampung, untuk memperolehi keterangan ringkas keadaan tempat kajian dan menguruskan beberapa

hal yang berkaitan dengan kajian seperti tempat penginapan dan melawat persekitaran tempat kajian.

Kaedah kutipan data yang digunakan di peringkat kedua ialah :

- (a) Pemerhatian ikut serta.
- (b) Temuramah.
- (c) Perbualan.
- (d) Soal-selidik. (Questionnaires)

Pemerhatian ikut serta bermaksud pengkaji tinggal di tempat kajian untuk jangka masa tertentu. Semasa kajian ini dijalankan, saya telah tinggal di tempat kajian ini selama dua bulan. Dalam tempoh masa tersebut, saya cuba menjadi salah seorang dari ahli masyarakat kampung ini, dengan mematuhi segala norma kehidupan dan adat yang terdapat di kampung ini. Pemerhatian ikut serta ini menolong pengkaji mendapatkan gambaran sebenar kampung ini. Saya menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta terhadap cara-cara penduduk kampung dan kaum wanitanya menghabiskan masa lapang, cara berinteraksi dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang dijalankan. Sebagai contoh, saya telah ikut serta ke kebun getah dan menyaksikan pemprosesan susu getah menjadi getah keping. Saya juga ikut serta dalam aktiviti-aktiviti wanita kampung, seperti kelas memasak dan kelas agama. Begitu juga pengkaji berpeluang ikut serta mesyuarat di antara ketua-ketua kampung mukim Beranang. Kaedah ini membantu saya memahami permasalahan kaum tani di sini dan sekaligus menyediakan peluang mewujudkan hubungan mesra dengan

penduduk kampung terutamanya dengan kaum wanitanya. Ini membuka jalan penduduk kampung menerima saya sebagai salah seorang daripada ahli kampung tersebut.

Kaedah temuramah telah digunakan untuk mendapatkan keterangan umum mengenai tempat kajian. Temuramah-temuramah yang dijalankan lebih 'formal' dan responden terdiri daripada mereka yang memainkan peranan dalam kegiatan kampung dan di kalangan mereka yang mempunyai pengetahuan luas mengenai kampung tersebut. Tokoh-tokoh tersebut terdiri dari Ketua Kampung, Penghulu Mukim, Imam Kampung, Setiausaha Persatuan Belia dan Biro Wanita. Temuramah juga diadakan dengan pegawai kerajaan yang bertugas di Pejabat Daerah Ulu Langat, Pejabat Penghulu dan Pejabat Risda. Kaedah ini membantu saya memperolehi maklumat-maklumat penting yang tidak dapat diberi oleh responden.

Kaedah perbualan merupakan alat terpenting untuk mendapatkan maklumat. Melalui kaedah ini pengkaji memberi peluang seluas-luasnya kepada 50 orang responden wanita yang telah dipilih oleh pengkaji sebagai sampel kajian ini untuk mengeluarkan pendapat dan hanya bercampur mulut dalam mengarahkan topik-topik perbualan. Perbualan-perbualan yang dijalankan adalah lebih 'informal' dan tajuk-tajuk perbualan adalah lebih luas, bebas dan menyeluruh seolah-olah perbualan

tersebut merupakan perbualan biasa di antara kenalan dan bukannya di antara seorang pengkaji dengan responden. Penampilan minat saya terhadap isi perbualan walaupun ianya hanya perkara-perkara yang kurang penting amatlah perlu terutama di dalam usaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang agak sulit.

Melalui kaedah soal-selidik, data-data yang bersifat kuantitatif seperti pendapatan, keanggotaan keluarga dan perkara-perkara mengenai hak milik telah diperolehi.

## NOTA HUJUNGAN

1. Zainal Kling, 'Wanita Dalam Wawasan 2020 Dari Perspektif Pembangunan Negara', Kertas kerja yang dibentangkan di seminar 'Wanita Abad 21', Anjuran Persatuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 11 Oktober, 1992.
2. Ibid.
3. Jamilah Ariffin, Women Development in Malaysia, Pelanduk Publications, Selangor, 1992, Hlm 8.
4. Ibid.
5. Ibid.
6. Nik Safiah Karim, Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran, 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1990 Hlm. 33.
7. Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan(NACIWID), Rancangan Tindakan 1981 - 1985, 'Wanita dalam Pembangunan', Urus setia Hal ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, Mei, 1983, Hlm. 2.
8. Ibid, Hlm 5.
9. Masyarakat Adat Perpatih menggolongkan tanah kepada dua jenis: Tanah Adat dan Bukan Tanah Adat. Di atas Tanah Adat ini, khasnya tanah kampung terdirinya rumah-rumah pusaka adat, rumah-rumah ini juga diwariskan kepada perempuan.
10. Azizah Kassim, 'Wanita dan Pemilikan Tanah dalam Masyarakat Adat Perpatih, dalam Ilmu Masyarakat, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, April-September 1986, Hlm. 6.
11. Ibid, Hlm. 8.
12. Evelyn Hong, Malaysian Women : Problems and Issues, Consumers Association of Penang, Penang, 1983, Hlm. 7.
13. Maznah Mohamad, 'Gender, Class and Sexual Division of Labour in a Rural Community in Kedah, dalam Journal of Malaysian Studies, Jilid/Volume II, No.2, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Disember 1984, Hlm. 101.
14. Cecilia Ng, 'Gender and The Division of Labour: A Case Study', dalam Women and Employment in Malaysia oleh Hing AY dan Rokiah Talib, Keluaran khas Jurnal Manusia dan Masyarakat, Department of Anthropology & Sociology, Universiti of

Malaya, University of Malaya  
Women's Association, The Asia & Pacific Development Centre,  
Kuala Lumpur, 1989, Hlm. 82 , 87 dan 91.

15. Gail Freeman Melson, diterjemahkan oleh Dr.Jariah Masuf, Keluarga dan persekitaran, Perspektif Ekosistem, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1989, Hlm. 169.
16. Azizah Kassim, Wanita dan Masyarakat, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1985, Hlm. 1 dan 2.
17. K. Clinton, Feminism: An analysis and Assessment, University Microfilm Limited, High Wycombe, England A Xerox Company, Ann Arbor, Michigan, U.S.A., 1972, Hlm. 2.
18. Azizah Kassim, Ibid, Hlm. 5.
19. Swift, M.C. 'Men and Women in Malaysia Society', dalam Women in the New Asia: The changing Social Roles of Men and Women in Southeast Asia, Paris: UNESCO, Hlm. 278.
20. Ibid,Hlm. 277.
21. Jamilah Ariffin, Ibid, Hlm. 10.
22. Zillah R. Eisenstein, Capitalism, Patriarchy and job Segregation By Sex, Hlm. 213.
23. Ibid, Hlm. 215.
24. Azizah Kassim, Ibid, Hlm. Bahagian kata aluan.

## BAB 2

### LATAR BELAKANG KAMPUNG

- 2.1. SEJARAH KAMPUNG SG. KEMBONG HILIR
- 2.2. PENGGUNAAN TANAH
- 2.3. LATAR BELAKANG DEMOGRAFI
- 2.4. LATAR BELAKANG EKONOMI
- 2.5. LATAR BELAKANG KEMUDAHAN SOSIAL
- 2.6. LATAR BELAKANG ORGANISASI SOSIAL.

## PENGENALAN.

Tujuan bab ini ialah untuk memberi gambaran kepada pembaca berkaitan dengan latar belakang Kampung Sungai Kembong Hilir. Penumpuan tentang kajian tentang latar belakang kampung ini adalah berkisar sejarah kampung, latar belakang penggunaan tanah, latar belakang demografi, latar belakang kemudahan sosial, latar belakang organisasi sosial dan latar belakang ekonomi kampung ini. Tujuannya supaya pembaca memahami fenomena yang sedang dialami oleh penduduk kampung ini. Pemahaman ini penting kerana ia mempunyai hubungan dengan isu peranan dan kedudukan kaum wanita masyarakat tani yang diketengahkan dalam latihan ilmiah ini.

### 2.1. SEJARAH KAMPUNG SUNGAI KEMBONG HILIR.

Kampung Sungai Kembong Hilir terletak di Mukim Beranang, Selangor. Adalah dipercayai bahawa nama kampung ini berasal dari sebuah sungai yang terdapat di kampung ini; di mana di awal pembukaan kampung ini sungai tersebut telah menjadi sumber terpenting bagi penduduk kampung ini memperolehi sumber protein.

Menurut Ketua Kampung Sungai Kembong hilir dan Imam Kampung iaitu Tuan Haji Abas Dolmat serta beberapa orang tua lain, kampung ini telah dibuka antara 1896 dan 1897 oleh datuk Imam Kampung semasa yang bernama Metera,

yang datang dari Linggi, Negeri Sembilan. Kedatangan Metera ke kampung ini pada permulaannya hanyalah berdua sahaja dengan menaiki kereta lembu. Setelah lima atau enam bulan mereka menerokai kawasan ini, penghijrahan masuk ke kampung ini telah berlaku secara beransur-ansur, yang akhirnya menyebabkan pertambahan penduduk dan juga jumlah isi rumah.

Pada permulaannya kampung ini terdiri daripada sebuah rumah sahaja. Selepas lima atau enam bulan, jumlah rumah telah menjadi lebih kurang sepuluh buah dan seterusnya bertambah lagi hingga ketika kajian ini dibuat, jumlah rumah yang terdapat di kampung ini berjumlah 63 buah.

Selain Linggi sebahagian penduduk kampung ini berasal dari daerah Rembau, Negeri Sembilan. Dua daerah ini terletak di negeri yang sama tetapi, adat resam penduduk masing-masing adalah berlainan. Rembau mengamalkan adat Perpatih, sementara daerah Linggi mengamalkan adat Temenggong. Walaupun begitu adat yang diamalkan di Kampung Sungai Kembong Hilir ini adalah adat Temenggong. Ini adalah kerana sebelah pihak lelaki iaitu Metera yang membuka kampung ini berasal dari Linggi, sementara wanita yang dikahwininya berasal dari Rembau.

Aktiviti penduduk kampung ini pada peringkat awalnya hanyalah sebagai petani dan penoreh getah. Pada

waktu itu golongan wanita bekerja di sektor pertanian sebagai pekerja tidak bergaji iaitu bekerja demi membantu ayah atau suami. Kegiatan utama penduduk kampung ini tertumpu pada penanaman getah, padi, jagung, pisang, ubi, keladi dan keledek. Penternakan juga ada dijalankan. Binatang ternakan mereka adalah kambing, ayam dan itik pada peringkat awalnya. Penternakan lembu hanya diusahakan dalam tahun 1963, sementara kerbau pula dipelihara pada tahun 1965.

Sebelum zaman kemerdekaan, tumpuan aktiviti wanita kampung ini tertumpu pada sektor pertanian iaitu bersawah dan menoreh getah. Kegiatan ini dilakukan sebagai membantu suami bagi yang telah berkeluarga dan bagi yang belum berkeluarga, kerja yang dilakukan itu sebagai membantu ibu bapa. Mereka tidak dibayar gaji. Kemudian di dalam tahun 1970an, aktiviti penternakan mula dijalankan oleh wanita kampung ini, tetapi bukanlah secara komersial. Selain membantu suami dalam sektor ekonomi, golongan wanita ini juga terpaksa memainkan peranan penting dalam urusan rumahtangga mereka. Urusan rumahtangga seperti memasak, mengemas rumah, mencuci pakaian dan menguruskan hal ehwal anak-anak dijalankan tanpa bantuan daripada pihak suami. Suami hanya mengendalikan soal kewangan keluarga.

Keseluruhannya, pada peringkat awal pembukaan kampung ini, ramai golongan wanitanya tidak menerima pendidikan formal walaupun sistem pendidikan telah diperkenal-

kan oleh pihak British pada tahun 1930an. Sistem pendidikan yang diterima pada ketika itu dikenali sebagai sekolah pondok, tetapi tidak ramai yang memasuki sekolah pondok ini pada waktu itu. Ini disebabkan kedudukan sekolah jauh dari kampung dan juga masalah kewangan serta pandangan masyarakat pada ketika itu; kedudukan wanita hanyalah di dapur dahaja. Hanya pada tahun 1940an, ramai golongan wanita kampung ini menerima pendidikan formal kesan dari pembukaan sekolah rendah di kampung yang berdekatan dengan Kampung Sg. Kembong Hilir, jaraknya adalah 2.4 KM., iaitu Kampung Rinching Hilir.

Kesan daripada pendidikan formal ini, fikiran penduduk sedikit demi sedikit mula terbuka dan golongan wanitanya mula menceburi sektor ekonomi di luar bidang pertanian seperti menjadi operator pengeluaran, guru, jurutaip dan kerani, di bandar-bandar yang berdekatan seperti Kajang, Beranang, Negeri Sembilan dan Bandar Baru Bangi. Perubahan pekerjaan ini semakin ketara pada tahun 1977.

Aktiviti sosial bagi pemuda Kampung Sungai Kembong Hilir ini pada peringkat awalnya adalah belajar bersilat, dikir maulud dan menonton wayang yang terdapat di pekan Bangi Lama dan Kajang. Tiada aktiviti sukan yang dilakukan oleh pemuda kampung ini pada ketika itu. Kesemua aktiviti ini hanyalah untuk pemuda sahaja sementara anak-anak gadis

kampung ini lebih digalakkan menghabiskan masa di rumah dengan diajar hal-hal yang bersangkutan dengan pengurusan rumahtangga atau 'domestik'. Anak-anak gadis dibenarkan keluar bergaul dengan rakan-rakan mereka, tetapi pergaulan mereka dikawal rapi. Satu-satunya aktiviti yang turut melibatkan anak-anak gadis kampung ini adalah aktiviti mengaji al-Quran. Aktiviti ini adalah untuk kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur sekitar tiga ke sembilan tahun.

Semasa zaman penjajahan, kampung ini terselamat daripada ancaman penjajah British ataupun penjajah Jepun. Ini kerana, jalan untuk memasuki ke kampung ini adalah sukar. Tidak ada jalan yang menghubungkan kampung ini dengan kawasan luar.

Selepas zaman kemerdekaan iaitu 1957, kampung ini sedikit demi sedikit mengalami proses modenisasi. Kemudahan-kemudahan asas seperti api dan letrik dan juga kemudahan infrastruktur yang lain seperti jalan, telefon, taman permainan dan sebagainya membantu penduduk kampung ini menerima pembangunan. Contohnya dengan adanya bekalan letrik, penduduk dapat menggunakan televisyen yang merupakan salah satu sumber penyebaran maklumat yang penting. Melalui media massa ini penduduk kampung didedahkan dengan perkara-perkara baru. Tambahan lagi dengan projek-projek pembangunan yang dapat diterima oleh penduduk kampung ini contohnya menanam getah kahwin dengan galakan kerajaan.

Sebelum projek ini dijalankan, penduduk hanya menanam getah biasa sahaja, tanpa ditabur baja dan dijaga rapi. Dengan adanya getah kahwin, hasil yang diperolehi bertambah.

## 2.2. PENGGUNAAN TANAH.

Keluasan kawasan kampung ini adalah dalam lingkungan 600 ekar dengan bentuk muka bumi yang rata dan landai pada keseluruhannya dan hanya terdapat sedikit kawasan beralun terutamanya di bahagian Barat kampung ini. Kawasan tanah yang beralun, bertanah gambut dan agak berbukit ini terdapat terutamanya di kawasan penanaman getah dan kebun.

Kampung ini juga terdapat kawasan tanah berpaya yang tidak sesuai untuk aktiviti pertanian mahupun untuk tapak perumahan. Kawasan tanah berpaya ini terdapat terutamanya dibahagian belakang kawasan perumahan komuniti kampung ini yang meliputi kira-kira 29 ekar daripada keluasan kampung ini.

Pola guna tanah di kampung ini boleh dibahagikan kepada beberapa kategori seperti di Jadual 2.1 di bawah.

Jadual 2.1 : Pola guna tanah Kampung Sungai Kembong Hilir 1993.

JENIS TANAMAN	KELUASAN
Getah	115 ekar
Kelapa sawit	11 ekar
Dusun buah-buahan	9.5 ekar
Koko selingan	14 ekar
Tebu	6 ekar
Pisang	3 ekar
Tanaman	3 ekar
<b>JUMLAH</b>	<b>161.5 ekar</b>

Sumber : Pejabat Penghulu Mukim Beranang dan Ketua Kampung Sungai Kembong Hilir.

Daripada jadual 2.1, didapati bahawa pola tanah di Kampung Sungai Kembong Hilir adalah pelbagai. Jadual 2.1 menunjukkan bahawa getah merupakan tanaman utama penduduk Kampung Sungai Kembong Hilir. Keluasan tanah kebun getah adalah 115 ekar. Koko selingan pula merupakan tanaman yang kedua penting ini, tetapi keluasan kawasan tanamannya adalah jauh lebih kecil iaitu 14 ekar. Menurut Ketua Kampung Sungai Kembong Hilir, kira-kira 35 tahun yang lampau iaitu tahun 1946, penorehan getah merupakan aktiviti pertanian utama di kampung ini, manakala aktiviti mengumpul serta mengopek koko cuma merupakan aktiviti sampingan bagi sebahagian kecil penduduk kampung. Pada 1993, hanya tiga orang yang menoreh getah dan dua orang dari tiga itu adalah wanita. Mereka adalah Puan Kamariah dan Puan Norsiah. Puan

Kamariah terpaksa menoreh untuk menyara keluarganya yang seramai tujuh orang kerana suaminya sudah uzur dan tidak mampu untuk bekerja lagi. Sementara Puan Norsiah pula terpaksa menoreh untuk menyara sembilan orang ahli keluarganya termasuk ibu bapa kerana suaminya tidak tinggal bersama dan hanya sekali sekala sahaja membuat pengiriman wang kepada Puan Norsiah.

Menurut Ketua Kampung Sungai Kembong Hilir, aktiviti mengumpul dan mengopek buah koko semakin mendapat tempat dikalangan golongan tua kampung kerana, kerja mengumpul dan mengopek buah koko adalah lebih mudah jika dibandingkan dengan menoreh getah. Kerja ini juga lebih ringan dan sesuai dengan peringkat umur golongan tua kampung. Kerja mengumpul dan mengopek koko ini juga boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa perlu bangun awal pagi atau menghadapi pacat dan nyamuk seperti menoreh getah.

Kelapa sawit pula merupakan tanaman yang ketiga pentingnya. Walau bagaimanapun, cuma seorang sahaja yang mengusahakannya. Tanaman kelapa sawit seluas 11 ekar itu diusahakan oleh Haji Mokhtar. Kini beliau berumur 61 tahun dan kerja-kerja kebun sawit itu dikendalikan secara upah.

Dusun buah-buahan kampung ini agak kecil, kerana seluas 9.5 ekar sahaja. Tanaman tebu dan tanaman pisang serta tanaman kontan masing-masing meliputi keluasan tiga

ekar. Ketiga-tiga jenis tanaman ini adalah untuk kegunaan sediri.

### **2.3 LATAR BELAKANG DEMOGRAFI.**

Jumlah keseluruhan penduduk Kampung Sungai Kembong Hilir leih kurang 460 orang. Menurut Ketua Kampung, data ini hasil bancian tahun 1990. Jumlah rumah adalah 63 buah. Keadaan rumah adalah berselerak. Pengkaji telah memilih 50 buah keluarga untuk kajian ini. Jumlah anggota keluarga bagi 50 keluarga ini ialah 385 orang. Daripada bilangan ini, 245 orang(63.6 %) menetap di kampung ini, manakala 140 orang( 36.4%) anggota keluarga lain tinggal di luar kampung. Ini menunjukkan ahli anggota yang berhijrah adalah agak besar kerana jumlahnya melebihi satu pertiga daripada jumlah besar anggota 50 buah keluarga tadi. Sebahagian besar daripda penghijrahan penduduk Kampung Sungai Kembong Hilir adalah di kalangan golongan muda. Ini dapat dilihat di Jadual 2.2 di bawah.

Jadual 2.2 : Pembahagian ahli keluarga menetap dan tidak menetap mengikut umur di Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

KATEGORI UMUR (TAHUN)	BILANGAN AHLI		PERATUSAN (%)	BILANGAN AHLI		PERATUSAN (%)
	KELUARGA MENETAP (ORANG)	KELUARGA TIDAK MENETAP (ORANG)				
Kurang dari 7	47	0	19.18	0	0	0
7 - 17	46	7	19.59	7	5.0	
18 - 28	55	41	45.0	41	29.29	
29 - 39	27	66	11.02	66	47.15	
40 - 50	27	25	11.02	25	17.86	
51 - 61	21	1	8.57	1	0.7	
62 ke atas	22	0	8.98	0	0	
JUMLAH	245	140	100.00	140	100.00	

Jadual 2.2 menunjukkan bahawa bilangan individu kumpulan-kumpulan umur 18 - 28 dan 29 - 39 yang telah berhijrah adalah seramai 107, atau 76% daripada jumlah anggota keluarga. Hal ini sesuatu yang dijangka kerana kumpulan-kumpulan umur inilah yang terdedah dan berupaya mengambil peluang pekerjaan di luar Kampung Sungai Kembong Hilir. Faktor utama yang mendorong mereka berhijrah ke luar ialah peluang pekerjaan. Sebilangan kecil yang lain berhijrah kerana peluang persekolahan atau kerana perkahwinan. Cuma seorang daripada mereka yang melebihi 51 tahun telah berhijrah. Ini jelas mencadangkan bahawa proses perubahan yang melanda kampung ini adalah suatu hal yang baru yang tidak melibatkan golongan tua.

Daripada 140 orang ahli keluarga yang berhijrah,

seramai 63 orang adalah wanita. Lihat jadual 2.3 di bawah.

Jadual 2.3: Pembahagian jantina ahli keluarga menetap dan tidak menetap Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

JANTINA	AHLI KELUARGA MENETAP (ORANG)	PERATUSAN (%)	AHLI KELUARGA TIDAK MENETAP (ORANG)	PERATUSAN (%)
Lelaki	126	51.43	77	55.0
Perempuan	119	48.57	63	45.0
JUMLAH	245	100.00	140	100.00

Ini menunjukkan bahawa penglibatan wanita kampung ini dalam proses perubahan adalah hampir sama ramai dengan kaum lelaki, iaitu 77 orang. Sebahagian besar daripada wanita ini berhijrah keluar kerana mereka memperolehi peluang pekerjaan di tempat lain.

#### 2.4. LATAR BELAKANG EKONOMI

Di awal pembukaan kampung ini pekerjaan utama penduduk kampung adalah bersawah. Kemudian apabila penanaman getah memperlihatkan hasil tinggi, penduduk Kampung Sungai Kembong Hilir membuka kebun dan menoreh getah sebagai punca pendapatan utama. Pada 1993, hampir semua kebun getah kampung ini terbiar. Ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Pertama faktor umur, dan kesihatan. Ramai responden yang memberi alasan faktor umur yang sudah tua dan tahap kesihatan yang tidak memuaskan menyebabkan mereka tidak bergiat di dalam aktiviti menoreh getah. Faktor kedua adalah anak-anak responden masing-masing telah dewasa dan mereka memberi bantuan

kewangan kepada responden. Anak-anak yang sudah dewasa juga bermakna tanggungan responden sudah menjadi ringan menyebabkan mereka tidak perlu bekerja kuat lagi. Faktor ketiga; kesan dari penanaman koko menyebabkan sebilangan dari golongan tua kampung ini beralih kepada aktiviti mengumpul dan mengopek buah koko. Pekerjaan ini dianggap lebih sesuai dengan peringkat umur mereka. Faktor yang seterusnya adalah dipengaruhi oleh perasaan malas kerana terpaksa bangun awal pagi, sudah tua dan tidak berupaya. Bagi golongan muda pula mereka lebih suka bekerja dalam sektor swasta atau sektor kerajaan daripada menoreh getah. Hanya tiga orang sahaja daripada penduduk kampung ini yang masih menoreh getah.

Seperti kaum lelakinya kaum wanita kampung ini juga tidak ramai yang melibatkan diri dalam sektor pertanian. Jadual 2.4 menunjukkan penglibatan terbesar penduduk Kampung Sungai Kembong Hilir adalah sebagai buruh kilang. Jumlah mereka yang menjadi buruh kilang adalah 34 orang (43.18%) daripada jumlah keseluruhan penduduk yang bekerja iaitu 79 orang. Penduduk kampung ini bekerja sepenuh masa di kilang-kilang yang terletak berhampiran dengan kawasan kampung ini iaitu sekitar Bandar Baru Bangi, Kajang, Semenyih, Beranang dan Negeri Sembilan. Kita juga dapat perhatikan bahawa lapan yang lain adalah pengawal, iaitu jenis pekerjaan kedua terbesar diceburi oleh penduduk kampung ini. Ini mencadangkan bahawa penduduk ini kebanyakannya hanya menerima pendidikan formal setakat sekolah rendah atau menengah rendah sahaja. Ini kerana bekerja sebagai operator pengeluaran tidak memer-

Iukan taraf pendidikan yang tinggi; cukup sekadar tamat darjah enam. Daripada 79 orang responden yang bekerja ini, terdapat hanya empat orang yang berjaya ke peringkat maktab dan seorang yang berjaya ke peringkat Institusi Kemahiran MARA (IKM). Ini, menunjukkan peratusan yang kecil iaitu 5.06% sahaja jika dibandingkan dengan responden yang menerima pendidikan setakat darjah enam atau sekolah menengah. Jadual 2.4 adalah seperti berikut.

**Jadual 2.4 : Pembahagian jenis pekerjaan penduduk Kampung Sungai Kembong Hillir, 1993. (I)**

JENIS PEKERJAAN	PASANGAN				ANAK			JUMLAH	%	
	SUAMI (ORANG)	(%)	ISTRI (ORANG)	(%)	LELAKI (ORANG)	(%)	PEREMPUAN (ORANG)			
Tani (kebun pink, kebun lain, tanaman)	4	5.06	4	5.06				8	10.12	
Kuris					3	3.79	1	1.26	4	5.05
Buruh tangan	6	7.57	7	9.00	13	16.49	8	10.12	34	43.18
Penyuji			1	1.26					1	1.26
Janitri			1	1.26					1	1.26
Jentobbas	1	1.26	1	1.26				1	2	2.52
Kosai	2	2.52	1	1.26	2	2.52	1	1.26	6	7.57
Kejawel	5	6.33			3	3.79			8	10.12
Domestik	2	2.52							2	2.52
Tukang kebes	2	2.52							2	2.52
Tukang kecil	2	2.52	4	5.06					6	7.58
Jantehak	1	1.26			1	1.26			2	2.52
Tukang jahit			1	1.26					1	1.26
lain-lain	2	2.52							2	2.52
<b>JUMLAH</b>	<b>27</b>		<b>20</b>		<b>22</b>		<b>10</b>		<b>79</b>	<b>100.00</b>

Penglibatan yang besar penduduk kampung ini sama ada golongan wanita atau lelakinya di dalam sektor perkilangan dan juga sektor-sektor lain mencadangkan bahawa sudah ada perubahan peranan terutamanya golongan wanita kampung ini dalam bidang pekerjaan. Kegiatan pertanian bukan lagi pilihan

utama generasi baru kampung ini. Semasa kajian ini dijalankan, cuma lapan daripada 79 orang responden bekerja adalah pekebun atau petani. Daripada lapan orang pekebun ini adalah berusia lebih daripada empat puluh tahun.

Penglibatan penduduk kampung ini dalam jenis pekerjaan seperti di Jadual 2.4 memberi kesan ke atas pendapatan isirumah yang dianggotai oleh mereka kerana, jenis pekerjaan menentukan pendapatan harian atau bulanan yang diterima oleh seseorang itu. Pembahagian jumlah pendapatan isirumah kampung ini adalah seperti di Jadual 2.5 di bawah.

Jadual 2.5 : Pembahagian jumlah pendapatan isiumah Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

PENDAPATAN (RM)	ISIRUMAH (Buah)	PERATUSAN (%)
Bawah 300	3	6.0
301 - 700	22	44.0
701 - 1100	12	24.0
1101 - 1500	9	18.0
1501 - 1900	2	4.0
1901 - 2300	0	0.0
2301 - 2700	0	0.0
2701 ke atas	2	4.0
JUMLAH	50	100.0

Jadual 2.5 menunjukkan bahawa 22 isirumah (44%) memperolehi kumpulan pendapatan di antara RM 301-700. Kumpulan jumlah pendapatan isirumah yang kedua terbesar adalah kumpulan pendapatan RM 701-1100, iaitu 12 buah isirumah (24%). Hal ni adalah sesuatu yang dijangkakan berdasarkan kepada jenis pekerjaan yang disertai oleh ahli isirumah

kampung ini.

Untuk lebih jelas lagi, tenaga buruh wanita dan lelaki kampung ini dapat dibahagikan berdasarkan kumpulan-kumpulan umur seperti di jadual 2.6.

Jadual 2.6 : Pembahagian tenaga buruh berdasarkan kumpulan-kumpulan umur di Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.(2)

KUMP. UMUR (Tahun)	BERJERJA (Jantina)				TIDAK BEKERJA (Jantina)				SEKOLAH (Jantina)				PESARA (Jantina)				Jumlah (Orang)	%		
	L (%)		P (%)		L (%)		P (%)		L (%)		P (%)		L (%)		P (%)					
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P				
15 - 24	10	7.20	10	7.20	1	0.72	10	7.20	3	2.16	4	2.90								
25 - 34	17	12.23	8	6.00			4	2.90												
35 - 44	12	9.00	6	4.32			4	2.90												
45 - 54	6	4.32	6	4.32	2	1.44	7	5.01					2	1.44						
55 - 64	2	1.44			3	2.16	7	5.01												
65 ke atas	2	1.44			5	3.39	7	5.01												
JUMLAH	35.63	30	21.84	11	7.91	40	28.12	3	2.16	4	2.90	2	1.44				139	100		

Petunjuk : P – Perempuan  
 L – Lelaki  
 Kump – Kumpulan

Jadual 2.6 memberi gambaran bahawa jumlah penduduk yang bekerja adalah 79 orang dan daripada jumlah ini, kaum

lelaki yang bekerja adalah 49 orang (35.63%) dan jumlah wanita yang bekerja adalah 30 orang (21.84%). Golongan bekerja ini termasuklah lelaki dan wanita yang telah berumahtangga dan belum berumahtangga.

Golongan yang bekerja ini bolah pula dibahagikan kepada kumpulan umur yang tertentu. Dari Jadual 2.6 menunjukkan bahawa kumpulan umur terbesar bekerja adalah di antara 25 - 34 tahun iaitu seramai 25 orang (17.98%). Daripada 25 orang ini, 17 orang adalah lelaki (12.23%) dan 8 orang adalah wanita (6.00%). Kumpulan umur ke dua terbesar bekerja adalah kumpulan umur di antara 15 - 24 tahun iaitu seramai 20 orang (14.40%) daripada jumlah keseluruhan mereka yang bekerja. Daripada 20 orang ini, 10 orang adalah lelaki (7.20%) dan 10 orang adalah wanita (7.20%). Sementara kumpulan umur di antara 35 - 44 tahun adalah kumpulan umur ketiga terbesar tenaga buruh yang bekerja iaitu 18 orang (13.32%). Daripada jumlah ini 12 orang adalah lelaki (9.00%) dan selebihnya adalah wanita. Gambaran data ini adalah sesuatu yang dijangkakan kerana pada ketiga-tiga peringkat kumpulan umur ini, sememangnya seseorang itu mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menyumbangkan tenaganya dalam bidang pekerjaan.

Walaupun kumpulan umur di antara 15 - 24 adalah produktif untuk bekerja, tetapi masih terdapat mereka yang menganggur di kampung ini. Semasa kajian ini dijalankan terdapat seramai 11 orang (7.92%) penduduk kampung ini yang tidak bekerja. Salah seorang daripada mereka adalah lelaki,

dan salah seorang wanita daripada kumpulan umur ini telah berkahwin dan menjadi surirumah sepenuh masa. 10 orang lagi memberi alasan baru sahaja tamat alam persekolahan di peringkat menengah dan masih belum pasti apakah bidang pekerjaan yang ingin diceburi.

Di bawah kumpulan umur 25 - 43 tahun dan 35 - 44 pula, hanya kaum wanita sahaja yang didapati tidak bekerja, iaitu masing-masing menunjukkan jumlah 4 orang (2.90%). Hal ini adalah wajar kerana pada peringkat umur ini, kelazimannya seseorang lelaki itu telah berkahwin dan berfungsi sebagai ketua rumah yang menyarai keluarganya.

Jadual 2.6 juga memberi gambaran bahawa tidak ramai penduduk kampung ini yang masih bersekolah di bawah kumpulan umur 15 - 24 tahun, jumlahnya hanya 7 orang sahaja (5.06%). Daripada jumlah ini, 3 orang adalah lelaki (2.16%) dan 4 orang adalah wanita (2.90%). Hal ini mencadangkan bahawa taraf pendidikan penduduk kampung ini hanya setakat taraf sekolah menengah sahaja, sama ada tamat tingkatan tiga atau tingkatan lima.

## 2.5. LATAR BELAKANG KEMUDAHAN SOSIAL.

Dari segi kemudahan sosial pula menurut Ketua Kampung Sungai Kembong Hilir, kampung ini telah lama menerima dan merasai kemudahan bekalan letrik dan air iaitu semenjak

tahun 1970an lagi. Kemudahan jalanraya juga telah ada di kampung ini. Secara ringkasnya kemudahan sosial yang terdapat di kampung ini dapat dirujuk melalui Jadual 2.7.

Jadual 2.7 : Kemudahan-kemudahan sosial yang terdapat di Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

JENIS	BILANGAN
Masjid/surau	1 buah
Kedai runcit	2 buah
Rumah kedai	2 buah
Telefon awam	1 buah
Padang permainan	1 buah
Padang badminton	1 buah
Pusat memproses getah	1 buah
Kemudahan sektor getah	1 buah
Tandas curah	60 buah
Tandas pam	3 buah

Sumber : Pejabat Penghulu Mukim Beranang dan Ketua Kampung Sungai Kembong Hilir.

Dari Jadual 2.7 di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa kemudahan sosial yang terdapat di kampung ini masih kurang. Contohnya hanya terdapat dua buah kedai runcit sahaja di kampung ini, sedangkan jumlah penduduknya adalah agak besar. Begitu juga dengan telefon awam yang disediakan di kampung ini hanyalah sebuah sahaja.

Kampung Sungai Kembong Hilir tidak mempunyai sebarang kemudahan pendidikan formal seperti tabika/tadika, sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Penduduk kampung menghantar anak-anak mereka bersekolah rendah dan tabika di kampung-kampung yang berdekatan seperti Rinching Hilir atau

Bangi Lama.

Kemudahan sekolah menengah pula terdapat di Semenyih, Kajang dan Beranang. Jarak bandar Kajang dari kampung ini adalah 20.97 KM dan jarak Beranang dari kampung ini adalah 8.1 KM. Menurut Ketua Kampung, rata-rata anak-anak penduduk kampung ini bersekolah di Semenyih.

Klinik bidan yang paling hampir untuk kemudahan penduduk kampung ini adalah di Rinching Hilir. Walau bagaimanapun masalah tidak timbul kerana kedua-dua kawasan ini dihubungkan melalui jalan bertar. Kesemua kemudahan sosial yang diterima oleh penduduk kampung ini, mencadangkan bahawa sedikit sebanyak pembangunan sudah meresapi masyarakat kampung ini. Contoh, dengan adanya bekalan kemudahan letrik, penduduk kampung dapat menonton televisyen yang merupakan salah satu sumber penyebaran maklumat yang penting. Begitu juga dengan menerima pendidikan formal, generasi baru kampung ini tidak lagi buta huruf, kesannya pelbagai ilmu pengetahuan dapat diperolehi melalui pembacaan terutamanya surat khabar, majalah dan buku-buku. Kemudahan jalan raya pula menyenangkan penduduk kampung keluar masuk ke bandar-bandar yang berdekatan. Penggunaan tandas curah dan tandas pam mencadangkan bahawa penduduk kampung sudah mula terbuka pemikirannya dan mula menitikberatkan soal kebersihan. Kesemua ini turut memberi kesan ke atas corak kehidupan masyarakat kampung ini.

## 2.6. LATAR BELAKANG ORGANISASI SOSIAL.

### (i) Institut sosial dan persanakan.

Keluarga ialah :

"Sebuah institusi yang terdapat di dalam semua kumpulan masyarakat. Keluarga normal yang diterima merupakan satu kumpulan yang penting di mana di dalamnya mengandungi pasangan yang telah berkahwin serta mempunyai anak dan tinggal berasingan dari kaum kerabat".<sup>3</sup>

Keluarga yang dimaksudkan dalam petikan di atas adalah keluarga asas. Sementara keluarga luas pula adalah seperti berikut, ia terdiri dari anggota-anggota keluarga meliputi seorang suami, isteri dan anak-anak yang belum berkahwin serta ahli-ahli keluarga isteri atau suami. Kebanyakkan keluarga luas di kampung ini terdiri daripada anggota-anggota keluarga anak-anak yang sudah berkahwin. Jadual 2.8 menunjukkan pembahagian antara keluarga asas dan keluarga luas di kampung ini.

Jadual 2.8 : Pembahagian keluarga asas dan luas di Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

JENIS KELUARGA	BILANGAN	PERATUSAN(%)
Asas	32	64.9
Luas	18	36.0
JUMLAH	50	100.00

Jadual 2.8 menunjukkan bahawa bilangan keluarga asas adalah melebihi jumlah bilangan keluarga luas sebanyak 14 (28.0%). Jumlah keluarga asas adalah 32 (64.0%) sementara

bilangan keluarga luas adalah 18 (36.0%). Hal ini mencadangkan kurangnya pergantungan atau pembahagian tugas dalam urusan rumah tangga bagi keluarga di Kampung Sungai Kembong Hilir.

Peranan dan kedudukan kaum wanita dalam sesebuah keluarga dipengaruhi oleh pola keluarga yang dianggotainya. Oleh kerana itu pentingnya kajian tentang peranan dan kedudukan wanita dibuat berdasarkan pembahagian keluarga asas dan keluarga luas ini supaya perbezaan dan perubahan peranan dapat difahamkan.

NOTA HUJUNGAN.

1. Saya tidak memfokuskan pembahagian jenis pekerjaan penduduk kampung ini kepada wanita yang sudah berumahtangga sahaja di dalam Jadual 2.4, untuk memberikan pemahaman yang lebih fenomena yang sedang dialami oleh penduduk kampung ini.
2. Jadual 2.6 turut melihat pembahagian buruh mengikut jantina dan umur tanpa mengira status buruh tersebut sama ada telah berumahtangga dan belum berumahtangga.
3. International Encyclopedia of Social Science, Vol. 5, Hlm. 301.

## BAB 3 : WANITA DAN EKONOMI.

### PENGENALAN

- 3.1. STRUKTUR UMUR DAN JENIS PEKERJAAN
- 3.2. PEKERJA SEBAGAI ANAK PEREMPUAN,  
ISTERI DAN IBU
- 3.3. ROUTINE KERJA WANITA KAMPUNG SUNGAI  
KEMBONG HILIR
- 3.4. SURI RUMAHTANGGA ( TIDAK BEKERJA )
- 3.5. PENUTUP

## PENGENALAN

Seperti yang telah saya haraikan dalam bab satu, pembangunan ekonomi moden menarik penglibatan kaum wanita. Namun, penglibatan kaum wanita dalam proses ini adalah, secara keseluruhannya terhad kepada jenis-jenis pekerjaan yang tertentu, hinggakan jenis-jenis pekerjaan itu dianggap sebagai "pekerjaan wanita".

Jenis-jenis pekerjaan yang dikhkususkan untuk wanita mempunyai dua ciri utama. Pertama, jenis-jenis kerja yang ditawarkan kepada wanita adalah rumit, membosankan dan memerlukan ketelitian seperti memasang komponen kecil alat elektronik dan menaip atau memerlukan melayan pelanggan seperti pandu pelancung dan jururawat yang dianggap sesuai dengan sahsiah wanita di rumah. Kedua, jenis-jenis pekerjaan itu umumnya tidak memerlukan kelulusan akademik atau kemahiran yang tinggi. Oleh itu penglibatan kaum wanita umumnya bertaraf rendah dan tidak menawarkan gaji atau upah yang tinggi.

Perbincangan yang seterusnya akan melihat penyerapan kaum wanita dalam pembangunan arus moden, khususnya, saya akan memperlihatkan sejauh mana dua ciri di atas dapat dikesan di kalangan wanita Kampung Sungai Kembong Hilir. Di samping itu, bab ini juga akan menggambarkan pola-pola lain

penglibatan wanita dalam proses pembangunan ekonomi yang sedang berlangsung di sekitar Bandar Baru Bangi, Beranang, Semenyih dan Kajang adalah satu proses yang baru, maka tentunya kita boleh menjangka bahawa wanita yang bekerja di luar kampungnya terdiri daripada mereka yang mempunyai pendidikan.

### 3.1. STRUKTUR UMUR, TARAF DAN JENIS PEKERJAAN.

Tumpuan kajian ini ialah kaum wanita yang sudah berumahtangga. Wanita yang sudah berumahtangga ini pula dibahagikan pula kepada yang bekerja dan tidak bekerja. Ini bertujuan untuk melihat dengan lebih jelas peranan wanita dalam struktur luar bandar semasa. Bilangan wanita bekerja dan tidak bekerja boleh dilihat di Jadual 3.1.

Jadual 3.1 : Tenaga buruh wanita Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

JENIS	KEDUDUKAN WANITA				Jumlah	(%)
	Telah kahwin (Bil)	(%)	Belum kahwin (Bil)	(%)		
Bekerja	20	27.03	10	13.51	30	40.54
Tidak bekerja	30	40.5	14	18.97	44	59.46
					74	100.0

Jadual 3.1 menunjukkan jumlah responden wanita yang bekerja adalah 30 orang (40.5%). Daripada jumlah ini terdapat seramai 20 orang wanita bekerja yang telah berkah-

win atau 27.03%. 10 orang lagi wanita bekerja (13.51%) adalah belum berkahwin.

Jumlah wanita yang tidak bekerja pula adalah 44 orang atau 59.46%. Daripada 44 orang ini, 30 orang adalah wanita telah berkahwin (40.5%) dan 14 orang lagi wanita adalah belum berkahwin (18.97%). Pola ini mempunyai kaitan erat dengan hubungan umur responden.

Dari kajian yang dijalankan, saya dapati lebih ramai golongan muda daripada golongan tua yang bekerja. Ini disebabkan faktor kesihatan dan usia. Golongan tua ini kebiasaannya kurang sihat dan kekuatan tenaga fizikal mereka telah berkurangan untuk melakukan kegiatan ekonomi. Mereka dikatakan golongan kurang produktif dalam kegiatan ekonomi kerana ketidakupayaan mereka untuk bekerja berat menanggung beban kerja yang banyak. Golongan wanita yang bekerja pula boleh dibahagikan kepada beberapa taraf pekerjaan. Hubungan di antara umur dan taraf pekerjaan ini boleh dilihat di Jadual 3.2. Melalui Jadual 3.2 menunjukkan hanya seorang sahaja wanita kampung ini yang melibatkan diri sebagai pekerja mahir iaitu sebagai guru. Penglibatan wanita kampung ini kebanyakannya adalah sebagai pekerjas separuh mahir dan tidak mahir iaitu masing-masing menunjukkan jumlah seramai 21 orang (70.0%) dan 8 orang (26.7%) bagi tidak mahir. Ini, mencadangkan bahawa kebanyakan wanita kampung ini menerima pendidikan setakat tamat sekolah rendah.

lah menengah sahaja kerana penglibatan di dalam taraf pekerjaan separuh mahir dan tidak mahir tidak memerlukan pendidikan yang tinggi. Pekerjaan separuh mahir dan tidak mahir yang dimaksudkan ini adalah menjadi buruh kilang, petani, penternak, jurutaip, pengasuh kanak-kanak dan peniaga kecil misalnya.

**Jadual 3.2 : Hubungan taraf pekerjaan dengan umur wanita Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.**

UMUR (Tahun)	TARAF PEKERJAAN (Jenis)						Jumlah (Bil)	Peratus (%)
	Mahir (Bil)	Peratus (%)	Separuh mahir (Bil)	Peratus (%)	Tidak mahir (Bil)	Peratus (%)		
10 – 20			5	16.7			5	16.7
21 – 30	1	3.3	8	26.7			9	30.0
31 – 40			7	23.3	2	6.7	9	30.0
41 – 50			1	3.3	3	10.0	4	13.3
51 – 60								
61 – 70					3	10.0	3	10.0
JUMLAH	1	3.3	21	70.0	8	26.7	30	100.0

Jadual 3.2 memberi gambaran bahawa dua puluh sembilan orang atau 97% daripada kumpulan-kumpulan umur,

wanita yang bekerja adalah di bawah umur 40 tahun. Ini sekali lagi menunjukkan bahawa penglibatan kaum wanita dalam pekerjaan luar rumah adalah satu fenomena baru. Ramai daripada wanita kampung ini bekerja di bandar-bandar yang berdekatan Kampung Sungai Kembong Hilir, seperti Bandar Baru Bangi, Beranang, Semenyih dan Kajang. Jadual 3.3. di bawah menunjukkan pembahagian tempat kerja wanita kampung ini.

Jadual 3.3 : Tempat kerja buruh wanita Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

TEMPAT KERJA	BILANGAN (Orang)	PERATUSAN (%)
Bandar Baru Bangi	12	40.0
Beranang	3	10.0
Semenyih	2	6.7
Kajang	5	16.7
Kampung Sg. Kembong Hilir	8	26.6
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>100.0</b>

Jadual 3.3 menunjukkan bahawa tumpuan utama wanita kampung ini memperoleh peluang pekerjaan adalah di sekitar Bandar Baru Bangi dan Kajang. Daripada 30 orang wanita bekerja, didapati 12 orang (40.0%) bekerja di Bandar Baru Bangi dan 5 orang (16.7%) lagi bekerja di Kajang.

Bandar Baru Bangi banyak menawarkan peluang pekerjaan di sektor perkilangan. Sebahagian besar wanita kampung ini bekerja sebagai operator pengeluaran di Bandar Baru Bangi terutamanya di kilang-kilang elektronik seperti kilang Sony, Hitachi, National, Omron dan Matsushita.

Kajang pula banyak menawarkan peluang pekerjaan di sektor perkhidmatan seperti

jurutaip, kerani dan setiausaha. Kesemua pekerjaan ini tidak memerlukan kelulusan pelajaran yang tinggi.

Untuk lebih jelas lagi, Jadual 3.4 di bawah menunjukkan jenis-jenis pekerjaan yang diceburi oleh wanita Kampung Sungai Kembong Hilir.

Jadual 3.4 : Jenis pekerjaan wanita Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

JENIS PEKERJAAN	BILANGAN (Orang)	PERATUSAN (%)
Petani (Kebun getah,kebun lain dan menternak)	4	13.4
Guru	1	3.3
Peniaga kecil	4	13.4
Kerani	3	10.0
Jurutaip	1	3.3
Buruh kilang	15	50.0
Pengasuh kanak-kanak	1	3.3
Tukang jahit	1	3.3
JUMLAH	30	100.0

Seperti yang dapat kita lihat di Jadual 3.4, penglibatan terbesar wanita iaitu 15 daripada 30 orang, bekerja sebagai buruh kilang. Empat wanita lain adalah pekerja-pekerja kolar putih ( guru, kerani dan jurutaip ), empat orang lagi membuat kerja sendiri (peniaga kecil, pengasuh dan tukang jahit) dan empat orang adalah petani. Ini, jelas menunjukkan sudah ada perubahan peranan dan kedudukan wanita dalam

pekerjaan. Wanita di kampung ini, tidak lagi tertumpu di sektor pertanian. Penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan yang pelbagai ini menunjukkan generasi baru tidak lagi gemar bekerja di kebun getah. Contohnya, Puan Nurlina yang berkelulusan Sijil Tinggi Persekutuan Malaysia (S.T.P.M). Beliau bekerja sebagai penyelia (Supervisor) di kilang elektronik Hitachi. Beliau mempunyai anak kecil yang dijaga oleh ibunya. Baginya bekerja di kilang elektronik adalah lebih selesa jika dibandingkan dengan bekerja sebagai penoreh getah. Ini kerana suasana tempat kerja adalah lebih selesa dengan kelengkapan penghawa dingin, bilik rehat, bilik sembahyang dan juga kantin. Kata Puan Nurlina lagi, pakaian tidak kotor bekerja di kilang, pendapatan juga tetap dan tidak perlu kena gigitan nyamuk dan pacat.

Bagi Puan Normaidiah yang bekerja sebagai jurutaiip di Kajang, berpendapat, bekerja sebagai jurutaiip adalah lebih selesa jika dibandingkan dengan bekerja sebagai penoreh getah. Bagi Puan Normaidiah, beliau tidak perlu risau sama ada berlaku musim hujan atau tidak, beliau tetap boleh keluar bekerja. Sebaliknya jika beliau bekerja sebagai penoreh getah, apabila tiba musim hujan, kegiatan tersebut terpaksa diberhentikan buat beberapa ketika. Menurutnya lagi, beliau mempunyai kelulusan peringkat menengah dan mempunyai kemahiran menaip, lebih baik kamahiran tersebut digunakan untuk menambahkan pendapatan keluarga.

Puan Norsiah, 42 tahun, ialah seorang pekebun kecil getah. Ini kerana beliau hanya belajar hingga darjah dua sahaja. Hal ini menyukarkan beliau mendapat pekerjaan di sektor perkilangan mahupun sektor-sektor lain. Bagi Puan Norsiah, jika beliau mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya darjah enam, beliau juga akan bekerja di sektor perkilangan. Beliau terpaksa bekerja untuk menyara keluarganya kerana suaminya tidak tinggal bersama. Jadi peranan beliau adalah sebagai ketua keluarga dan pekerjaan yang dilakukan bukanlah untuk menambahkan pendapatan keluarganya tetapi untuk menyara keluarganya. Puan Norsiah merupakan salah seorang dari empat orang surirumah yang masih melibatkan diri dalam sektor pertanian. Tiga orang yang lain adalah Puan Asiah, 56 tahun, seorang pekebun, Puan Jamilah, 49 tahun, penternak arnab secara komersial bersama-sama suaminya dan Puan Kamariah, 54 tahun, juga seorang pekebun kecil getah seperti Puan Norsiah. Kecuali Puan Norsiah, usia tiga wanita lain yang berusaha dalam sektor pertanian melebihi 49 tahun.

Umumnya jenis pekerjaan yang dijawat oleh kaum wanita kampung ini bertaraf rendah dan ini berkait rapat dengan taraf pendidikan. Jadual 3.5 menjelaskan hal ini.

Jadual 3.5 : Taraf pelajaran wanita bekerja Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993

TARAF PELAJARAN	BILANGAN (Orang)	PERATUSAN (%)
Sekolah rendah (tamat idarjah enam)	11	36.7
Sekolah menengah		
a. Tingkatan tiga	5	16.6
b. Tingkatan lima/enam	9	38.1
Sekolah pondok	1	3.3
ITM/maktab	1	3.3
Universiti	-	-
Tidak bersekolah	3	10.0
JUMLAH	30	100.0

Dari jadual 3.5 didapati bahawa taraf pelajaran wanita bekerja Kampung Sungai Kembong Hilir, kebanyakannya setakat tamat sekolah rendah dan menengah sahaja. Peringkat sekolah menengah boleh dibahagikan lagi kepada tamat tingkatan tiga dan tamat tingkatan lima atau enam. Jumlah wanita bekerja yang mempunyai taraf pelajaran sekadar sekolah rendah sahaja adalah 11 orang (36.7%), lima orang (16.6%) bagi yang tamat tingkatan tiga dan sembilan orang (38.1%) lagi wanita yang tamat tingkatan lima atau enam. Kita juga dapat perhatikan bahawa cuma seorang wanita kampung ini yang berkelulusan tinggi iaitu di peringkat maktab.

Taraf pendidikan yang rendah ini, mempengaruhi jenis pekerjaan dan seterusnya menentukan pendapatan bulanan yang diterima. Kebiasaannya pekerja yang bertaraf rendah atau pekerjaan separuh mahir dan tidak mahir memberi pulangan gaji yang rendah. Jadual 3.6 menunjukkan pendapatan bulanan yang diperolehi oleh wanita bekerja kampung

Jadual 3.6 : Jenis pekerjaan dan pendapatan kaum wanita  
Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

JENIS PEKERJAAN	PENDAPATAN (RM)								J	(%)	
	101–200 (Bil)	(%)	201–300 (Bil)	(%)	301–400 (Bil)	(%)	401–500 (Bil)	(%)			
Petani (Kebun getah, kebun lain dan menternak)	3	10.0							1	3.3	
Guru									1	3.3	
Kerani									3	10.0	
Jurutaip									1	3.3	
Buruh kilang					10	33.4	4	13.4	1	3.3	
Pengasuh			1	3.3							
Tukang jahit			1	3.3							
Peniaga kecil					4	13.4					
JUMLAH	3	10.0	2	6.6	14	46.8	4	13.4	7	23.2	30 100.0

ini. Lampiran I menjelaskan hal ini. Didapati tidak seorang-pun di kalangan wanita kampung ini menerima pendapatan lebih dari RM1000.00 sebulan. Ini menunjukkan bahawa pendapatan kaum wanita kampung ini adalah rendah, lebih kurang tiga suku (77.0%) daripada semua wanita yang bekerja memperolehi kurang daripada RM500.00 sebulan.

### 3.2. PEKERJA SEBAGAI ANAK PEREMPUAN, ISTERI DAN IBU.

Seperti yang telah kita lihat tadi, jumlah tenaga buruh wanita (umur 15 - 64 tahun) ialah 74. Daripada jumlah ini, 30 orang bekerja dan 44 orang tidak bekerja. Daripada 44 orang wanita yang tidak bekerja ini, empat orang adalah masih bersekolah. Golongan wanita ini boleh dibahagikan kepada tiga taraf dalam keluarga iaitu sebagai ibu atau ketua isirumah, ibu atau isteri dan anak perempuan yang sudah berkahwin dan belum berkahwin. Jadual 3.7 menjelaskan hal ini.

Jadual 3.7 : Taraf wanita dalam keluarga.

TARAF WANITA DALAM KELURGA	BEKERJA (Bil)	PERATUS (%)	TIDAK BEKERJA	PERATUS (%)
Ibu/Ketua rumah	1	1.3	8	11.0
Ibu/isteri	19	25.7	22	29.7
Anak perempuan				
(i) Sudah kahwin	1	1.3	1	1.3
(ii) Belum kakwin	9	12.2	13	17.5
JUMLAH	30	40.5	44	59.5

Hanya seorang daripada sembilan wanita yang

berperanan sebagai ibu/ketua isi rumah yang bekerja, manakala lapan yang lain tidak bekerja. Kesemua ibu/ketua isi rumah yang tidak bekerja berumur 55 tahun ke atas dan menyara hidup melalui bantuan kewangan anak-anak yang sudah bekerja. Jumlah wanita yang tergolong sebagai ibu/isteri ialah 41 orang. Seramai 19 orang (25.7%) daripada mereka bekerja, manakala 22 (29.7%) lagi tidak bekerja. Satu hal menarik yang harus ditegaskan ialah bahawa 20 orang daripada 30 wanita yang bekerja terdiri daripada wanita yang sudah berkahwin. Kecuali seorang daripada golongan ini mempunyai isi rumahnya tersendiri. Ini memperlihatkan bahawa dua pertiga daripada wanita yang bekerja adalah di kalangan mereka yang sudah kahwin.

Dari segi sumbangan wanita kepada pendapatan isi rumah pula, ada responden yang memperuntukkan kesemua pendapatannya untuk perbelanjaan isi rumah, tetapi ada juga yang hanya menyumbangkan separuh daripada pendapatannya dan tidak kurang juga ada responden yang menggunakan pendapatan yang diperolehinya untuk kegunaan dirinya sendiri. Jadual 3.8 menjelaskan fenomena ini.

Jadual 3.8 : Bahagian pendapatan wanita yang disumbangkan untuk perbelanjaan isirumah.

PENDAPATAN WANITA YANG DISUMBANGKAN UNTUK PERBELANJAAN ISIRUMAH	BILANGAN (orang)	PERATUS (%)
Semua	11	36.7
Separuh	16	53.3
Tiada	3	10.0
JUMLAH	30	100.0

Seperti yang diperlihatkan dalam jadual 3.8, 16 daripada 30 wanita yang bekerja menyumbang setengah daripada pendapatan mereka untuk perbelanjaan keluarga. Jadual di atas juga menunjukkan 11 wanita lain (36.7%) menyumbang kesemua pendapatannya untuk keluarga. Puan Siti Hawa, 40 tahun, seorang peniaga barang-barang runcit di Kampung Sungai Kembong Hilir. Beliau menyumbang setengah daripada pendapatannya kepada pendapatan isirumah. Separuh lain adalah untuk kegunaan peribadi, seperti membeli pakaian sendiri atau keluar ke bandar. Hal ini menunjukkan bahawa Puan Siti Hawa tidak bergantung sepenuhnya kepada suami dari segi kewangan. Ini, mencadangkan sudah ada perubahan dari segi pergantungan kaum wanita terhadap suami dari segi kewangan. Kesimpulannya, wanita turut memainkan peranan menyumbangkan sebahagian besar daripada pendapatannya untuk keluarga. Ini menunjukkan bahawa wanita merupakan sumber tenaga penting dalam keluarga.

### 3.3. ROUTINE KERJA WANITA KAMPUNG SUNGAI KEMBONG HILIR.

Bentuk routine kerja wanita Kampung Sungai Kembong Hilir, boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu waktu pejabat, shif dan tidak tetap. Selain daripada ini, ada routine kerja yang tidak dapat dimasukkan ke dalam ketiganya bentuk ini, seperti mereka yang terlibat dalam sektor pendidikan.

Lima wanita bekerja menurut waktu pejabat. Sebahagian besar daripada mereka iaitu 15 daripada 30 wanita bekerja menurut giliran shif. Ini mencadangkan ramai kaum wanita kampung ini bekerja di kilang. Routine kerja sektor perkilangan boleh dibahagikan kepada dua iaitu kerja ikut shif dan biasa, yang bermula jam 7.00 pagi hingga 3.00 petang.

Isteri atau ibu yang bekerja tentunya tidak dapat menandingi surirumah dari segi masa yang diperuntukkan untuk hal-hal keluarga. Oleh itu kaum wanita golongan ini terpaksa membahagikan masa mereka dengan sebaik-baiknya supaya pengurusan yang betul berjaya dilakukan. Golongan ini mesti cekap membahagikan masa mereka di antara kepentingan akibat bebanan kerja dan tugas domestik di rumah.

Bebanan kerja yang dipikul oleh surirumah yang bekerja adalah lebih berat lagi jika dibandingkan dengan surirumah sepenuh masa. Puan Zaharah, seorang operator

kilang yang berusia 30 tahun, adalah satu contoh yang baik. Beliau mempunyai tiga orang anak yang masih kecil. Jarak tempat kerjanya iaitu Beranang, dari Kampung Sungai Kembong Hilir adalah 8.1 K.M. Puan Zaharah bergilir dalam dua shif; shif pagi dan shif petang. Tujuan Puan Zaharah bekerja kerana pendapatan suaminya tidak mencukupi untuk menyara keluarga mereka. Jadi walaupun menghadapi beberapa masalah dalam pengurusan rumah tangga, Puan Zaharah tetap bekerja.

Puan Zaharah tidak mengalami sebarang masalah untuk pergi ke tempat kerja kerana pekerja-pekerja kilang disediakan perkhidmatan bas oleh majikan. Walaupun waktu kerja Puan Zaharah bermula pada pukul 7.00 pagi, tetapi Puan Zaharah terpaksa bangun lebih awal kerana terpaksa membuat kerja-kerja rumah terlebih dahulu terutamanya menguruskan anak-anak beliau sebelum dihantar ke rumah ibunya. Beliau terpaksa bangun lebih kurang pada pukul 5.00 pagi setiap hari. Puan Zaharah kemudian akan menjerang air, menyapu sampah, menyiapkan sarapan untuk keluarga dan seterusnya membuat kerja yang biasa dilakukan oleh suri-umah yang lain. Selepas melakukan semua tugas ini, Puan Zaharah akan menukar pakaian dan keluar rumah menuju ke jalan bersama-sama dengan rakan-rakannya menunggu bas kilang dalam suasana pagi yang masih gelap. Ketiga-tiga anaknya diserahkan kepada ibunya yang tinggal berhampiran. Tugas menghantar anak-anak ini dilakukan oleh suaminya.

Apabila bas kilang tiba, Puan Zaharah bersama rakan-rakannya menaiki bas tersebut dan mencari tempat duduk dan tidur. Beliau cuba menggunakan masa yang sedikit itu untuk berehat sebelum memulakan tugas di kilang. Apabila di tempat kerja, Beliau terpaksa menghadapi tekanan mencapai matlamat pengeluaran.

Apabila pulang ke rumah semula, tugas Puan Zaharah tidak habis. Tugas sebagai isteri dan ibu terpaksa dilaksanakan. Setelah tiba di rumah pada pukul 4.15 petang, beliau terus mangambil anak-anaknya dari rumah ibunya. Beliau berehat beberapa jam dan selepas itu sibuk pula menyiapkan hidangan untuk makan malam. Pada ketika yang sama suaminya pulang dari kerja dan tugas melayan anak-anak, sepanjang beliau memasak, dilakukan oleh suaminya.

Apabila Puan Zaharah bekerja shif petang pula iaitu waktu kerja di antara pukul 3.00 petang hingga 11.00 malam, beliau menyiapkan kerja-kerja rumah terlebih dahulu. Beliau akan menyiapkan hidangan makan tengahari dan makan malam sambil melayan anak-anaknya. Apabila tiba masa untuk keluar kerja, beliau akan menghantar anak-anaknya ke rumah ibunya yang terletak di belakang rumahnya. Kemudian, apabila suaminya pulang dari kerja, lebih kurang pukul 6.30 petang, beliaulah yang akan mengambil anak-anak tersebut dan menjaga mereka sementara Puan Zaharah pulang.

Puan Zaharah merupakan salah seorang dari suriru-

mah kampung ini yang bekerja ikut shif. Puan Zaharah berasib baik kerana memperolehi suami yang sanggup bekerjasama menjaga anak-anak. Hal ini mencadangkan sudah wujud pembahagian tugas di antara suami isteri. Jika dahulu hanya kaum wanita sahaja yang menguruskan anak-anak tetapi kini situasi tersebut telah berubah. Kaum lelaki juga memainkan peranan mereka. Kewajipan isteri di luar, biasanya menyebabkan suami membantu kerja-kerja rumah dan penjagaan anak. Walaupun demikian, kerja-kerja domestik masih menjalani bebanan isteri seperti memasak, mengemas rumah, membasuh pakaian dan sebagainya.

#### 3.4. SURIRUMAHTANGGA ( TIDAK BEKERJA )

Surirumah yang tidak bekerja terbahagi kepada dua golongan, iaitu golongan tua dan golongan muda. Pembahagian golongan ini dapat dilihat melalui pembahagian umur. Jadual 3.9 di bawah menunjukkan kumpulan umur surirumah.

Jadual 3.9 : Kumpulan umur suri rumahtangga Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

KUMPULAN UMUR (Tahun)	BILANGAN (Orang)	PERATUSAN (%)
21 - 30	2	6.7
31 - 40	7	23.3
41 - 50	10	33.4
51 - 60	7	23.3
61 - 70	4	13.3
JUMLAH	30	100.0

Seperti yang dapat dilihat di Jadual 3.9 di atas, surirumah - yang tidak bekerja meliputi malah golongan ibu muda : sembilan adalah di bawah 40 tahun dan sepuluh di antara 41 - 50 tahun. Ini, berhubungkait dengan taraf pendidikan mereka. Jadual 3.10 menunjukkan taraf pendidikan surirumah yang tidak bekerja.

Jadual 3.10 : Taraf pendidikan surirumah Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993

TARAF PENDIDIKAN	BILANGAN (Orang)	PERATUSAN (%)
Tidak bersekolah	13	43.3
Sekolah pondok	2	6.7
Sekolah rendah (tetapi tidak tamat darjah enam)	10	33.3
Sekolah menengah	5	16.7
Maktab/ITM/Universiti	0	0.0
JUMLAH	30	100.0

Dari Jadual 3.10 di atas dapat disimpulkan bahawa ramai daripada surirumah yang tidak bekerja adalah tidak bersekolah dan bersekolah rendah tanpa tamat darjah enam. Isteri-isteri yang tergolong dalam kedua-dua kumpulan ini adalah seramai 23 orang atau 76.6%

Pendidikan yang rendah menyulitkan mereka memperolehi peluang untuk bekerja diluar rumah dan diluar sektor pertanian. Tambahan lagi mereka lebih senang tinggal dirumah dan menguruskan hal rumah tangga. Contoh-

nya, Puan Zulbedah yang berusia 40 tahun, beliau menyatakan sukar untuk memperolehi pekerjaan kerana faktor pendidikan. Baginya lagi, walaupun beliau merupakan surirumah sepanjang masa tetapi bebanan tugas sebagai seorang surirumah tidak pernah habis. Beliau melakukan segala tugas tersebut dengan rasa tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu kepada empat orang anak. Salah seorang daripada anak perempuannya sudah bekerja dan tiga anaknya yang lain masih bersekolah.

Selain itu, faktor umur juga mempengaruhi golongan surirumah yang tidak bekerja. Puan Tokiah, 50 tahun, adalah seorang dari golongan ini. Beliau tidak bekerja kerana sudah tua dan juga anak-anak beliau kesemuanya telah besar dan bekerja. Puan Tokiah memperoleh wang dari anak-anaknya. Beliau mempunyai lima seorang anak lelaki, dan kesemuanya sudah bekerja tetapi masih tinggal bersama-sama. Anak-anaknya malarang Puan Tokiah bekerja. Semasa anak-anak Puan Tokiah masih kecil lagi, beliau bekerja sebagai penoreh getah, tetapi aktiviti tersebut telah lama tidak dijalankan.

Golongan surirumah ini menganggap tugas ibu dan isteri merupakan satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Bagi mereka suami merupakan tempat perlindungan dan pergantungan. Bagi yang telah kematian suami atau suami telah tua, mereka bergantung kepada anak-anak mereka.

Jadual 3.11 : Pergantungan surirumah Kampung Sungai Kembong Hilir

TEMPAT PERGANTUNGAN SURIRUMAH	BILANGAN (Orang)	PERATUSAN (%)
Suami	16	53.3
Anak-anak	14	46.7
JUMLAH	30	100.0

Jadual 3.11 menunjukkan bahawa pergantungan surirumah terhadap suami dan anak-anak tidak jauh bezanya; 16 orang bergantung kepada suami manakala 14 yang lain bergantung kepada anak-anak. Hal ini menunjukkan bahawa ramai anak-anak responden wanita yang telah besar dan bekerja.

Dari kajian yang dijalankan, saya dapati hanya dua orang sahaja surirumah kampung ini yang menjalankan kerja sampingan yang mendatangkan pulangan pendapatan iaitu Puan Normah, 33 tahun, dan Puan Sharifah, 56 tahun. Kedua-dua wanita ini membuat kueh jika ada tempahan untuk sesuatu jamuan atau kenduri-kendara. Selain daripada ini, golongan surirumah kampung ini ada yang mengisi masa lapang mereka dengan menternak binatang seperti ayam, itik dan kambing. Ada juga yang mempunyai kemahiran menjahit, membuat pakaian untuk keluarga. Ada juga surirumah yang menanam sayur-sayuran di persekitaran kawasan rumah. Tidak kurang juga surirumah yang hanya menghabiskan masa lapang mereka dengan berbual -

dengan jiran tetangga, melayan cucu dan tanpa berbuat sebarang aktiviti kerana sudah uzur. Jadual 3.12 ini menunjukkan pembahagian aktiviti surirumah kampung ini menghabiskan masa lapang mereka.

Jadual 3.12 : Aktiviti surirumah yang tidak bekerja Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

AKTIVITI	BILANGAN (Orang)	PERATUSAN (%)
Membuat kueh	2	6.7
Menteranak binatang (Ayam, itik, angsa kambing)	2	6.7
Menanam sayur-sayuran	6	30.0
Menjahit	1	3.2
Berbual dengan jiran	8	26.7
Metayan cucu/uzur	8	26.7
JUMLAH	30	100.0

Jadual 3.12 ini memberi gambaran bahawa tidak ramai surirumah kampung ini menjalankan aktiviti yang mendatangkan pendapatan. Contoh, aktiviti menanam sayur-sayuran tidak dijalankan secara besar-besaran, sebaliknya dilakukan untuk mengisi masa lapang. Walau bagaimanapun sayur yang ditanam itu boleh digunakan untuk keperluan keluarga. Puan Ainon misalnya, menghabiskan masa lapangnya dengan menanam sayur-sayuran seperti kekacang, ulam-ulaman, kangkung dan ubi di kawasan belakang rumahnya. Persekutaran rumahnya juga terdapat pokok jering, betik dan pokok kelapa. Setelah selesai mengemas rumah, beliau akan menghabiskan masanya di kebun sayur. Tugasan rumahtangga dibantu oleh anak perempuannya yang telah dewasa, iaitu berumur 20

tahun. Dua orang anaknya masih bersekolah dan seorang anak lelakinya telah bekerja. Di sebelah malam, beliau mengajar anak-anaknya dan beberapa anak jiran membaca Al-Quran. Puan Ainon memperoleh wang saku melalui duit persaraan suaminya dan sumbangan anak lelakinya. Tetapi bagi Puan Ainon, beliau tidak memerlukan wang saku yang banyak kerana beliau tidak perlu membeli pakaian yang mahal-mahal dan cantik, beliau juga tidak keluar makan angin ke mana-mana atau di luar. Bagi Puan Ainon, dunianya adalah rumahnya. Puan Ainon tidak kisah sama ada beliau ada wang atau tidak.

Bagi surirumah yang bergantung kepada suami, wang saku yang diperolehi melalui suami mereka dikongsi bersama. Bagi surirumah yang mendapat sumbangan dari anak-anak, wang saku tersebut adalah untuk kegunaan dirinya. Kebiasaananya surirumah yang menerima wang dari suami, akan mengagih-agihkan wang tersebut. Contohnya, Puan Zainab, setiap bulan suaminya akan memberi wang untuk membeli keperluan dapur dan keperluan lain. Dari wang tersebut beliau terpaksa pandai mengagih-agihkannya supaya ada lebihan untuk dijadikan wang saku beliau.

### 3.5. PENUTUP

Bab 3 ini telah dapat memberi gambaran kedudukan ekonomi wanita kampung ini. Ramai yang terlibat di sektor perkilangan. Ini dipengaruhi oleh taraf pendidikan yang keseluruhannya berpendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah sahaja, tidak ramai mencapai ke peringkat institusi pengajian tinggi. Implikasinya wanita kampung ini terlibat dengan aktiviti ekonomi yang menawarkan gaji yang rendah. Walaupun sudah ada perubahan peranan wanita daripada segi ekonomi, tetapi wanita yang bekerja ini masih dibebani kerja-kerja rumah. Bagi wanita yang tidak bekerja pula, adalah kerana taraf pendidikan yang rendah. Ramai wanita daripada golongan ini yang tidak bersekolah atau hanya tamat darjah satu atau dua sahaja. Implikasinya golongan wanita ini bergantung hidup kepada anak-anak dan suami.

## BAB 4

### WANITA SEBAGAI ISTERI DAN IBU.

#### PENGENALAN.

- 4.1: BEBAN MENGASUH.
- 4.2: ANGGAPAN ISTERI BEKERJA DAN TIDAK BEKERJA TERHADAP BEBAN MENGASUH.
- 4.3: BEBAN MENGASUH DI ANTARA SURIRUMAH DAN ISTERI BEKERJA.
- 4.4: PERBEZAAN BEBAN DI ANTARA SURIRUMAH DENGAN ISTERI BEKERJA.
- 4.5: URUSAN RUMAHTANGGA.
  - a. Memasak.
  - b. Membasuh dan menggosok pakaian.
- 4.6: MEMBUAT KEPUTUSAN.
  - a. Pengurusan perbelanjaan keluarga.
  - b. Perkahwinan anak-anak.
  - c. Menetapkan nama anak-anak.
- 4.7: URUSAN-URUSAN LUAR.
  - a. Tak formal.
  - b. Formal.
- 4.8: PENUTUP.

## PENGENALAN.

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab satu iaitu han ilmiah ini, terdapat dua aliran pemikiran mengenai peranan wanita seperti yang dikemukakan oleh Friedl (1975). Bagi ahli-ahli pemikir yang berorientasikan biologi, mereka berpendapat bahawa perbezaan dari segi biologi dan psikologi di antara lelaki dan wanita menjadi sebab yang efektif dalam pembahagian tugas dan hak di kalangan lelaki dan wanita dalam semua masyarakat. Pendapat yang lain pula menyarankan bahawa peranan-peranan jantina adalah satu fungsi yang bukan merupakan satu warisan biologi tetapi berdasarkan keadaan sosial dan budaya.

Dalam ruang hidup yang 'private', tugas wanita berkisar kepada fungsi biologi, sosial dan ekonomi. Kesemua fungsi wanita ini tidak terlepas dari kedua-dua saranan aliran pemikiran di atas. Wanita melahirkan anak, menjaga dan mengasuh mereka. Dia ada obligasi sosial terhadap anak-anak, begitu juga terhadap ahli keluarga lain. Di samping itu kaum wanita juga main peranan penting dalam ekonomi. Kemajuan dalam bidang sains dan teknologi membawa perkembangan industri yang seterusnya membuka peluang pekerjaan yang banyak untuk kaum wanita.

Tujuan bab empat ini adalah untuk melihat kesan perubahan ekonomi wanita berkahwin ke atas perhubungan mereka dalam keluarga dan di luar rumah tangga. Dalam erti-

kata lain, bab ini akan melihat bagaimana seorang isteri dan ibu itu membahagikan masanya di antara urusan domestik dengan kegiatan ekonomi di luar rumah.

Kita disosialisasikan bahawa anak-anak mempunyai hubungan lebih rapat dengan ibu daripada bapa. Seorang bapa biasanya diberatkan dengan tugas-tugas mencari nafkah hidup bagi keluarganya, sedangkan soal rumahtangga banyak diserahkan kepada ibu. Ini kerana ibu dikatakan lebih banyak menghabiskan masa berada di rumah.<sup>1</sup> Tetapi perubahan penglibatan kaum isteri dan ibu dalam sektor ekonomi bermakna mereka sama kurang dengan kaum lelaki berada di rumah.

#### 4.1. BEBAN MENGASUH.

Penglibatan isteri dalam kerja-kerja formal menyusun semula hubungan keluarga. Antara hal yang jelas berubah ialah bentuk pengasuhan anak. Kaum isteri yang bekerja di bandar-bandar besar biasanya menghantar anak-anak mereka ke taman asuhan ataupun mengupah pembantu rumah, terutamanya bagi isteri yang terlibat dalam bidang profesional. Keadaan ini berbeza dengan isteri kampung yang bekerja. Ini kerana kebanyakannya mereka tidak terlibat dalam bidang profesional, sebaliknya bekerja di sektor pengeluaran sebagai operator pengeluaran sahaja. Oleh itu pendapatan yang diperolehi tidaklah begitu tinggi untuk mengupah pembantu rumah atau-

pun menghantar anak-anak ke taman asuhan kerana perbelanjaan yang tinggi. Sebaliknya isteri-isteri yang bekerja ini menghantar anak-anak mereka kepada pengasuh yang dibayar. Biasanya cara begini adalah lebih murah iaitu di antara RM60.00 hingga RM130.00 bagi seorang kanak-kanak mengikut peringkat umur. Puan Norzila misalnya, menyatakan bahawa beliau memperuntukkan sebanyak RM130.00 upah mengasuh untuk tiga orang anak beliau yang masih kecil lagi, iaitu berumur lima tahun, empat tahun dan sembilan bulan. Kata Puan Norzila lagi, beliau membayar upah yang murah kepada pengasuh anak-anaknya kerana pengasuh tersebut mempunyai hubungan kekeluargaan dengan dirinya, jadi ada dasar tolongan-menolong. Beliau menjelaskan lagi, pengasuh anak-anaknya hanya bertugas menjaga anak-anaknya, membasuh pakaian dilakukan sendiri olehnya. Beliau juga menyediakan makanan untuk anak-anaknya terlebih dahulu.

Ada juga para isteri yang bekerja meletakkkan anak-anak mereka di bawah jagaan ibu. Ini boleh dilakukan kerana rumah mereka berdekatan dengan rumah ibu ataupun kerana mereka tinggal bersama-sama ibu bapa. Jadual 4.1 menunjukkan institusi mengasuh bagi para isteri yang bekerja.

Jadual 4.1 : Institusi mengasuh isteri bekerja Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

INSTITUSI MENGASUH	BILANGAN (Orang)	PERATUSAN (%)
Sendiri	4	20.0
Pengasuh	2	10.0
Ibu	6	30.0
Tiada anak kecil	8	40.0

Jadual 4.1 menunjukkan terdapat seramai enam orang isteri (30.0%) yang bekerja menyerahkan anak-anak mereka dibawah jagaan ibu masing-masing. Ini kerana tempat tinggal mereka berdekatan ataupun kerana mereka tinggal bersama-sama. Daripada enam orang wanita ini, empat dari mereka tinggal bersama-sama ibu mereka dan dua orang lagi tinggal berhampiran.

Bagi isteri yang tidak mempunyai anak kecil, urusan rumahtangga diserahkan kepada anak-anak perempuan yang sudah besar. Contohnya, seperti Puan Khadijah dan Puan Rosmawati, kedua-dua wanita ini mempunyai anak perempuan yang sudah besar untuk ditugaskan menjaga adik-adik mereka atau membuat kerja-kerja rumah seperti memasak, mengemas rumah, membasuh dan menggosok pakaian.

Ibu yang menjaga anak mereka sendiri, berbuat demikian kerana tempat kerja mereka adalah di rumah sendiri. Puan Rogayah, umpamanya, menjual barang-barang runcit di rumah-

nya sendiri. Puan Jamilah pula menernak arnab di kawasan rumah beliau. Oleh itu pengawasan anak dilakukan oleh mereka sendiri. Puan Mariam dan Siti Hawa pula membawa bersama anak-anak mereka semasa menjual.

#### 4.2. ANGGAPAN ISTERI BEKERJA DAN TIDAK BEKERJA TERHADAP BEBAN MENGASUH.

Daripada kajian yang dijalankan, didapati ada di antara isteri yang bekerja menganggap bahawa tugas mengasuh anak masih merupakan tugas utama seorang isteri dan ibu. Walaupun seorang isteri itu telah bekerja, tetapi tanggung-jawab sebagai isteri dan ibu itu tidak patut diabaikan. Pendapat ini dikemukakan oleh Puan Normaidah, Puan Rogayah dan Puan Asmalinda. Puan Normaidah misalnya, menyatakan bahawa beliau tidak kisah sama ada suaminya mahu membantu beban mengasuh atau tidak, walaupun dirinya sendiri bekerja di luar rumah dan masanya di rumah sebagai seorang isteri dan ibu telah berkurangan. Beliau tidak mengharapkan suaminya menjaga anak-anak, tetapi jika suaminya sendiri dengan senang hati ingin membantu, itu cukup dihargai.

Tetapi ada juga responden yang memberi pandangan bahawa apabila kedua-dua pasangan bekerja, beban mengasuh anak sepatutnya ditanggung bersama-sama. Walaupun begitu,

ini tidak bermakna status lelaki sebagai ketua rumah dikelebihan, cuma perlu ada semangat tolong menolong dan saling bantu-membantu, dalam perkata lain berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Pandangan ini dikemukakan oleh Puan Khadijah dan Puan Nurlina. Untuk lebih jelas lagi, Jadual 4.2 di bawah menunjukkan bilangan isteri bekerja terhadap tanggapan beban mengasuh.

Jadual 4.2 : Tanggapan isteri bekerja terhadap beban mengasuh, Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

TANGGAPAN ISTERI BEKERJA TERHADAP BEBAN MENGASUH	BILANGAN (Orang)	PERATUSAN (%)
Isteri	9	45.0
Suami dan isteri	11	55.0
JUMLAH	20	100.0

Jelas daripada Jadual 4.2 bahawa lebih ramai isteri yang memberi tanggapan bahawa beban mengasuh itu perlu ditanggung bersama-sama iaitu sebanyak 11 orang (55.0%) jika dibandingkan dengan jumlah isteri yang memberi tanggapan bahawa beban mengasuh itu tidak patut dibebani ke atas kaum lelaki kerana itu merupakan tanggungjawab sebagai seorang isteri.

Daripada kajian yang dijalankan ke atas tiga puluh orang surirumah sepenuh masa, lebih ramai yang memberi

tanggapan bahawa beban mengasuh adalah terletak di bahu para isteri. Alasan mereka, para isteri lebih banyak masa dihabiskan di rumah jika dibandingkan dengan suami yang berfungsi mencari nafkah untuk ahli keluarganya. Tetapi keseluruhan surirumah ini tidak menolak jika suami bersedia membantu bersama-sama mengasuh anak. Ini adalah lebih baik lagi kerana hubungan rapat dapat diwujudkan.

#### 4.3. BEBAN MENGASUH DI ANTARA SURIRUMAH DENGAN ISTERI YANG BEKERJA.

Daripada pemerhatian ikut serta yang dilakukan semasa kajian ini, didapati isteri yang bekerja yang meletakkan anak mereka di bawah jagaan pengasuh, ibu atau ahli keluarga lain, beban mengasuh mereka adalah berkurangan jika dibandingkan dengan surirumah sepenuh masa. ini kerana pembahagian tugas telah berlaku di antara isteri bekerja dengan pengasuh anak mereka. Bagi Puan Zaharah, 30 tahun, purata beliau menghabiskan masa di luar rumah adalah sembilan jam. Apabila pulang ke rumah, beliau memerlukan masa rehat untuk beberapa jam sebelum melakukan kerja-kerja domestik. Penumpuannya terhadap anak-anaknya ternyata berkurangan. Ini amat berbeza dengan surirumah. Mereka lebih sering di rumah dan kepenatan mereka adalah dari segi melakukan kerja-kerja rumah sahaja. Beban mengasuh sepenuhnya adalah terletak di bahu surirumah.

#### 4.4. PERBEZAAN BEBAN SURIRUMAH DENGAN ISTERI BEKERJA.

Isteri yang bekerja mempunyai peruntukan masa yang kurang di rumah berbanding isteri yang tidak bekerja. Ini menyebabkan perubahan ke atas pengurusan rumah tangga dan hal ehwal anak-anak. Pengurusan masa yang betul dan cekap adalah perlu supaya tidak menjadikan tugas-tugas domestik yang biasa dilakukan oleh surirumah yang lain. Beban kerja semakin bertambah, lebih-lebih lagi bagi isteri bekerja yang berada dalam sebuah keluarga asas, dengan mempunyai anak-anak yang masih kecil. Puan Norzila, 25 tahun, seorang isteri bekerja yang mempunyai anak seramai tiga orang dan masih kecil, berumur empat dan lima tahun serta sembilan bulan. Beliau menjelaskan bahawa beban tuganya bertambah di antara tugas sebagai seorang isteri dan ibu dengan tugas sebagai operator pengeluaran di sebuah kilang elektronik. Beliau menambah lagi bahawa tanggungjawabnya agak memenatkan, lebih-lebih lagi anak-anaknya masih kecil. Ini memerlukan penumpuan jagaan yang lebih jika dibandingkan dengan anak-anak yang telah dewasa. Bagi kanak-kanak yang masih kecil, segalanya perlu diuruskan oleh ibu seperti makanan, susu, mandi, pakaian dan kawalan, kerana mereka tidak mampu melakukan sendiri tanpa bantuan daripada ibu. Kadang-kala Puan Norzila terpaksa bangun di tengah-tengah malam kerana anaknya yang berusia sembilan bulan menangis disebabkan lampin basah atau laparkan susu. Puan Norzila juga menerangkan, kebiasaannya, beliau terpaksa bangun awal pagi iaitu lebih kurang pukul lima pagi, kerana perlu menyele-

saikan kerja-kerja rumah terlebih dahulu seperti mengemas rumah, membasuh pakaian dan menggosok pakaian suami sebelum keluar kerja. Beliau juga terpaksa membuat persiapan untuk menghantar anaknya kepada pengasuh.

Selesai kerja-kerja tersebut, Puan Norzila terpaksa pula menyiapkan hidangan untuk makan tengahari. Ini kerana bapanya yang telah tua tinggal bersama. Kebiasaananya beliau memasak berlebihan sebagai simpanan untuk hidangan makan malam. Makanan tersebut hanya perlu dipanaskan sahaja. Tugas penghantaran anak pula kadang-kala dilakukan olehnya dan kadang-kala dilakukan oleh suaminya. Tambahnya lagi, suaminya hanya membantu daripada segi pengawalan anak-anak, tetapi dalam urusan rumahtangga yang lain tetap dilakukan olehnya. Selain Puan Norzila terdapat tiga orang lain yang tergolong dalam keluarga asas dan mempunyai anak-anak yang masih kecil iaitu Puan Siti Zainab, Puan Zaharah dan Puan Normaidah. Bagi Puan Rogayah, Puan Halimah dan Puan Jamilah pula walaupun mereka mempunyai anak-anak yang masih kecil, tetapi situasi mereka berbeza, kerana tempat kerja mereka adalah di rumah mereka sendiri.

Tetapi bagi Puan Khadijah pula, beliau berasasib baik, kerana walaupun tergolong dalam keluarga asas tetapi mempunyai anak-anak perempuan yang telah besar yang boleh membantunya dalam urusan rumahtangga. Anak perempuannya berumur dua puluh tahun sementara anak lelakinya pula berumur lima belas tahun. Pembahagian tugas seperti mem-

sak, membasuh dan menggosok pakaian, mengemas rumah dan mencuci pinggan-mangkuk berlaku di antaranya dengan anak perempuannya. Keadaan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban Puan Khadijah, tambahan lagi, beliau tidak mempunyai anak kecil yang memerlukan tumpuan penjagaan dan pengurusan yang lebih rapi.

Beban isteri bekerja dengan surirumah adalah berbeza. Kajian yang dibuat menunjukkan bahawa surirumah tidak perlu bangun terlalu awal. Kebiasaan mereka bangun pada pukul 6.30 pagi untuk menunaikan sembahyang subuh, dan terus menyediakan sarapan pagi bagi golongan ibu dan mempunyai cucu seperti Puan Hessah, umpamanya, selepas selesai menyediakan sarapan pagi, beliau mula mengemas rumah dan persekitaran rumah. Waktu pagi dihabiskan di kebun sayurnya yang terdapat di belakang rumah sehinggalah pukul sebelas pagi. Apabila kedua-dua cucunya yang berumur tiga dan empat tahun itu bangun, beliau melayan keranah cucu pula dengan memberi mereka makan. Kemudian beliau sibuk membasuh pakaian pula. Apabila selesai kesemua tugas ini, lebih kurang pada pukul dua belas tengahari, barulah tugas menyediakan hidangan makanan tengahari dimulakan olehnya. Selesai sembahayang zohor, lebih kurang pada pukul dua petang, barulah beliau makan tengahari bersama-sama suaminya. Selepas makan, Puan Hessah berehat untuk dua atau tiga jam. Kedua-dua cucunya pula dibiarkan bermain dalam rumah dan persekitaran rumah kerana rumahnya berpagar. Ini

tidak merisaukannya kemungkinan cucunya keluar daripada kawasan rumah. Apabila Puan Hessah bangun, sekali lagi tugasnya melayan cucu di samping menyediakan minuman petang. Apabila anak perempuannya pulang iaitu lebih kurang pada pukul enam setengah petang, tugas menjaga cucu itu diserahkan kepada anaknya. Puan Hessah merupakan contoh surirumah yang tergolong dalam keluarga luas.

Bagi surirumah lain yang tergolong dalam keluarga asas, ternyata mereka juga mempunyai masa yang terluang di sebelah siang untuk digunakan berehat beberapa jam.

#### 4.5. URUSAN RUMAH TANGGA : MEMASAK, MEMBASUH DAN MENGGOSOK PAKAIAN.

Seperti yang dijelaskan secara umum sebelum ini bahawa urusan rumahtangga seperti memasak, membasuh dan menggosok pakaian masih dianggap sebagai kerja 'feminine' yang mesti dilakukan oleh kaum wanita. Ini adalah kesan sosialisasi, masyarakat mempercayai bahawa tempat wanita adalah di rumah. Oleh itu jika wanita bekerja, mesti meletakkan pekerjaannya di tahap nombor dua dalam skil prioriti. Pihak lelaki juga sama ada suami, bapa, majikan atau rakan mengharapkan supaya wanita mengutamakan rumahtangga.

Bagi kebanyakan isteri di Kampung Sungai Kembong Hilir, merasa malu jika kerja-kerja seperti memasak, memba-

suh dan menggosok pakaian ini dilakukan oleh pihak suami. Bagi Puan Siti Hawa, 40 tahun, yang menjadi peniaga kecil menjual barang runcit, menganggap walau bagaimana sibuk sekalipun dirinya dengan urusan luar rumah, tetapi urusan rumah tangga ini tetap dilakukan olehnya. Beliau tidak menyerahkan tugas ini kepada suaminya atau anak lelakinya untuk melakukannya. Begitu juga bagi Puan Asiah, 56 tahun, menganggap amat memalukan jika seorang isteri itu gagal melaksanakan tugas-tugas seperti memasak, membasuh dan menggosok pakaian ini. Seseorang isteri itu tidak sepatutnya menyuruh suaminya melakukan kerja-kerja seperti ini. Pada pendapatnya lagi, suami merupakan ketua rumah dan tugas seorang suami adalah mencari wang untuk perbelanjaan keluarga. Hal ini mencadangkan bahawa status kaum lelaki masih dianggap tinggi dalam sesebuah keluarga.

Tetapi Puan Nurlina pula memberi pandangan yang berlainan. Beliau yang berkelulusan Sijil Tinggi Persekutuan Malaysia dan bekerja sebagai penyelia di salah sebuah kilang elektronik di Kajang, menganggap tidak salah jika suami membantu isteri dalam kerja-kerja dapur. Ini boleh mengeratkan hubungan suami isteri dan memupuk semangat bertolak ansur serta saling bantu-membantu. Seseorang suami tidak sepatutnya menganggap beliau tidak patut langsung membantu isterinya menguruskan kerja-kerja dapur hanya atas alasan beliau adalah ketua rumah.

Jadual 4.3 berikut memberi gambaran bilangan isteri yang menerima dan tidak menerima suami membantu urusan rumahtangga dalam konteks memasak, membasuh dan menggosok pakaian.

Jadual 4.3 : Tanggapan isteri terhadap suami dalam urusan rumahtangga; memasak, membasuh dan menggosok pakaian.

URUSAN RUMAHTANGGA; MEMASAK, MEMBASUH DAN MENGGOSOK PAKAIAN OLEH SUAMI	BILANGAN (Orang)	PERATUSAN (%)
Terima	14	28.0
Tidak terima	36	72.0
JUMLAH	50	100.0

Jadual di atas memberi gambaran kepada kita bahawa masih ramai golongan isteri di kampung ini yang tidak dapat menerima jika suami membantu dalam urusan rumahtangga seperti memasak, membasuh dan menggosok pakaian. Sejumlah 36 orang isteri atau 72.0% daripada jumlah keseluruhan responden menolak jika suami membuat urusan rumahtangga. Daripada kajian yang dijalankan, didapati purata golongan isteri yang menjangkau peringkat usia tua adalah golongan yang memegang prinsip bahawa kaum lelaki tidak seharusnya melakukan kerja-kerja dapur. Mereka hanya dapat terima kerja-kerja dapur tersebut dilakukan oleh suami jika berada dalam keadaan kecemasan; isteri jatuh sakit umpamanya. Tetapi perasaan bersalah timbul dihati mereka kerana membebani suami dengan urusan rumahtangga tersebut.

#### 4.6. MEMBUAT KEPUTUSAN

Dalam membuat keputusan, skop dibahagikan kepada tiga iaitu pengurusan perbelanjaan keluarga, perkahwinan anak-anak dan menetapkan nama anak. Jadual 4.4 berikut merupakan gambaran ringkas membuat keputusan bagi para isteri di kampung ini.

Jadual 4.4 : Membuat keputusan bagi penduduk Kampung Sungai Kembong Hilir, 1993.

MEMBUAT KEPUTUSAN	SUAMI (Bil)	X	ISTERI (Bil)	X	SUAMI DAN ISTERI (Bil)	X	JUMLAH (Bil)	X
Pengurusan perbelanjaan keluarga	17	34.0	13	26.0	20	40.0	50	100.0
Perkahwinan anak-anak	9	18.0			41	82.0	50	100.0
Menetapkan nama anak	35	70.0			13	30.0	50	100.0

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa dalam membuat keputusan pengurusan perbelanjaan keluarga didapati seramai 17 keluarga suami sahaja yang membuat keputusan. Bagi kumpulan suami dan isteri bersama-sama membuat keputusan perbelanjaan keluarga ini adalah sebanyak 20 keluarga atau 40.0% dan di bawah kumpulan isteri sahaja yang membuat keputusan urusan perbelanjaan keluarga adalah 13 keluarga atau 36.0%. Hal ini mencadangkan bahawa telah ada perubahan peranan yang dimainkan oleh kaum isteri dalam soal kewangan rumah-tangga. Jika di awal tahun 1920an, seperti cerita-cerita yang diperolehi melalui kaum ibu dan isteri yang telah berumur, didapati kaum wanita ketika itu tidak diberi

peluang untuk menguruskan kewangan keluarga. tetapi kini, keadaan telah berubah. Isteri turut main peranan penting mengendalikan perbelanjaan keluarga. Sebagai contoh, Puan Mastura merupakan seorang surirumah yang menerima sebahagian daripada gaji bulanan suaminya untuk diuruskan. Beliau perlu pandai mengagih-agihkan wang tersebut untuk perbelanjaan dapur dan membeli keperluan anak-anak. Bagi Puan Nurlina pula, beliau bersama-sama suaminya menguruskan kewangan rumah tangga mereka.

Dalam membuat keputusan menetapkan perkahwinan atau jodoh anak, majoriti keputusan dibuat bersama-sama. Ini bermakna bahawa kaum isteri juga main peranan dalam memberi pendapat terhadap jodoh anak-anak mereka. Tetapi daripada Jadual 4.4 ternyata tidak ada keluarga yang menunjukkan hanya isteri sahaja yang membuat keputusan dalam jodoh atau perkahwinan anak-anak. Ini bermakna kaum suami masih mempunyai kuasa autoriti dalam soal ini. Apa yang nyata daripada kajian saya, memberi gambaran bahawa, purata keluarga di tempat kajian ini memberi peluang kepada anak-anak memilih sendiri bakal isteri atau suami. Ibu bapa kebiasaannya hanya memberi persetujuan, tidak ada paksaan. Urusan menetapkan tarikh perkahwinanlah selalunya dilakukan bersama oleh pasangan suami isteri. Tetapi ada juga keluarga yang memberi kuasa sepenuhnya kepada kaum lelaki dalam soal ini. Daripada Jadual 4.4 menunjukkan sejumlah sembilan keluarga (18.0%) daripada jumlah keseluruhannya memberi

kuasa penuh kepada pihak suami mengendalikan urusan perkahwinan anak-anak.

Jadual 4.4 juga jelas menggambarkan bahawa dalam konteks membuat keputusan tentang penamaan anak, majoriti kuasa masih dipegang oleh pihak suami iaitu sejumlah 35 keluarga (70.0%) daripada jumlah keseluruhannya. Sementara 13 keluarga lagi, pihak suami dan isteri bersama-sama memilih nama anak-anak mereka. Puan Normah, umpamanya, menjelaskan bahawa ketiga-tiga nama anak beliau dibincangkan bersama-sama suaminya. Sementara itu, Puan Hamisah, Puan Ainon dan Normah pula, menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai kuasa semasa penamaan anak-anak mereka dahulu. Segala keputuan diserahkan kepada pihak suami tanpa banyak soal.

#### 4.7. URUSAN-URUSAN LUAR; TAK FORMAL DAN FORMAL.

Perubahan daripada segi sosial ini dipengaruhi oleh perubahan-perubahan yang berlaku dalam kegiatan ekonomi yang diceburi oleh para isteri. Isteri dalam masyarakat di tempat kajian ini saling melakukan hubungan semuka di antara satu dengan yang lain sama ada secara tak formal atau formal. Mereka selalu bertemu dalam menjalankan tugas-tugas harian. Mereka sebenarnya saling kenal-mengenali. Tetapi keadaan seperti ini sudah mulai berubah akibat masing-masing sudah sibuk dengan aktiviti ekonomi yang berbeza. Jika dua puluh tahun yang lalu hanya aktiviti pertanian

yang terdapat di kampung ini, tetapi kini aktiviti tersebut telah berkurangan dan diganti pula dengan corak kegiatan ekonomi yang pelbagai dan berlainan lokasi kerja. Buktinya, daripada kajian yang dilakukan didapati bahawa purata responden wanita yang bekerja terutamanya dalam sektor swasta dan kerajaan, tempat kerja mereka adalah di luar kawasan kampung iaitu sekitar Beranang, kajang, Bandar Baru Bangi, Semenyih dan bangi Lama.

Isteri dan ibu yang bekerja sepenuh masa di luar rumah ini menghabiskan masa bekerja mereka purata sebanyak 48 jam seminggu. Keadaan ini menyebabkan masa bagi isteri dan ibu yang memainkan dwi-peranan adalah berkurangan jika dibandingkan dengan surirumah sepenuh masa. Jadi, golongan ini terpaksa membahagikan masa mereka dengan sebaik-baiknya. Kepenatan akibat beban kerja dan tugas domestik di rumah menjadikan mereka memerlukan masa rehat di rumah sendiri.

Implikasi daripada keadaan kesemua ini, menyebabkan kurangnya hubungan bersemuka di antara mereka dengan masyarakat setempat. Hubungan tidak dapat dilakukan seperti biasanya. Hubungan bersemuka hanya ada pada hari-hari perayaan dan masa menziarahi saudara-mara atau jiran yang sakit dan juga sewaktu majlis kenduri-kendara. Peranan yang dimainkan oleh kaum wanita pada ketika ini tidak dapat dinafikan.

Puan Zaleha, umpamanya memberi keterangan bahawa sewaktu majlis kenduri-kendara, sifat bergotong-royong, bekerjasama dan tolong menolong adalah tidak asing lagi bagi penduduk kampung ini dan para isteri memainkan peranan penting. Pada waktunya pertolongan daripada jiran tetangga adalah amat penting sekali. Dengan adanya pertolongan terutamanya daripada kaum wanita, kerja-kerja yang banyak dan berat dapat menjadi ringan. Biasanya, dua atau tiga hari sebelum diadakan majlis kenduri tersebut, mereka berulang-alik ke rumah yang hendak mengadakan majlis kenduri tersebut. Bagi surirumah, selesai kerja-kerja di rumah sendiri, mereka akan datang ke rumah tuan kenduri iaitu bermula daripada waktu siang hari hingga ke malam. Tetapi bagi mereka yang bekerja, mengunjungi rumah kenduri tersebut di sebelah petangnya. Menjadi kelaziman masyarakat kampung, sesiapa yang tidak bercampur semasa kenduri-kendara ini, akan dipandang serong. Di antara kerja-kerja yang dilakukan seperti memilih beras, membuat kerisek dan membuat kueh. Sumbangan yang diberikan adalah lebih besar lagi apabila menjelangnya hari kenduri; memotong bawang, sayur-sayuran, daging dan seterusnya memasak adalah semuanya dilakukan oleh jiran wanita. Manakala kaum lelaki biasanya terlibat dengan kerja-kerja membuat khemah, membeli barang-barang dan mencari kayu api.

Ramai responden menyatakan bahawa walau bagaimana sibuk sekali dengan tugas harian, tetapi apabila adanya kenduri-kendara di kampung ini, mahu tak mahu, masa tetap

dicari untuk menghadiri kenduri tersebut. Tambahan lagi kebiasaan majlis kenduri-kendara ini diadakan pada hari cuti bagi mereka yang bekerja.

Bagi aktiviti luar secara formal wanita kampung ini, adalah aktiviti yang dianjurkan oleh institusi KEMAS.<sup>2</sup> KEMAS merupakan sebuah pertubuhan yang utama sekali dalam menjalankan kegiatan sosial dan politik dalam kampung ini. Dilihat daripada namanya, dapat membayangkan KEMAS mempunyai matlamat untuk memajukan masyarakat, khususnya terhadap wanita-wanita luar bandar, iaitu dengan mempunyai beberapa konsep, misalnya untuk mengajar seseorang wanita itu bagaimana penyediaan makanan seimbang, mementingkan zat dalam makanan dan memberi latihan kerja tangan<sup>3</sup>. Terdapat dua kelas yang dianjurkan oleh KEMAS di kampung ini iaitu kelas agama dan Kelas Ekonomi Rumahtangga.

Kelas agama diadakan setiap hari Selasa, bertepat di dewan orang ramai di kampung ini. Kelas bermula pada pukul empat petang dan ustazah yang mengajar di kelas agama ini adalah penduduk kampung ini juga. Kelas agama ini mengajar membaca al-Quran dengan betul dan memberi ceramah. Sambutan baik dapat dilihat melalui kehadiran mereka pada setiap kali kelas agama tersebut diadakan, tetapi masih belum memuaskan. Pada setiap kali diadakan kelas ini, kehadiran adalah di antara lima belas ke dua puluh orang daripada jumlah keseluruhan wanita kampung ini.

Bagi Kelas Ekonomi Rumahtangga pula diadakan setiap minggu pada hari Isnin. Kelas bermula pada pukul tiga petang bertempat di kedai runcit Puan Siti Hawa. Tenaga pengajarnya adalah didatangkan dari kampung Kampung Rinch-ing Hilir. Kelas Ekonomi Rumahtangga ini mengajar kaum wanita memasak dengan pelbagai jenis resipi, memberi kemahiran kraftangan seperti membuat gubahan bunga, mengukir dan membuat bakul. Kelas ini juga mengajar menjahit dan memberi nasihat tentang kepentingan zat-zat dalam makanan dan juga pentingnya menyediakan makanan yang seimbang. Jika dibandingkan dengan kelas agama, kehadiran Kelas Ekonomi Rumah-tangga ini amat menyediakan sekali. Bilangan ahlinya pada setiap kali diadakan kelas adalah hanya seramai enam ketujuh orang sahaja.

Daripada pemerhatian ikut serta yang saya lakukan, didapati bahawa penglibatan wanita kampung ini dalam kedua-dua kelas ini adalah golongan surirumah yang tidak bekerja. Puan Zaiton menjelaskan fenomena ini terjadi kerana waktu bagi kedua-dua kelas ini diadakan tidak sesuai bagi wanita yang bekerja. Bagi pandangan Puan zaiton, kelas itu sepatutnya diadakan pada hujung minggu.

Ternyata masing-masing memberikan alasan yang berlainan mengapa penglibatan wanita tidak bekerja dalam kedua-dua kelas ini tidak memuaskan. Bagi Puan zainab, 59 tahun, menjelaskan, beliau tidak dapat menghadiri kedua-dua kelas

tersebut kerana sibuk melayan cucu. Puan Normah pula, 50 tahun, mewenerangkan beliau tidak berminat dengan Kelas Ekonomi Rumah Tangga kerana baginya beliau tidak perlu lagi belajar semua perkara-perkara tersebut, kelas tersebut lebih sesuai untuk orang-orang muda. Bagi Puan Rokiah pula yang berusia 30 tahun, memberi alasan, beliau sibuk dengan pengurusan ke atas anak-anak.

Penglibatan dalam politik pula, saya dapati satu ciri yang umum kaum wanita di tempat kajian ini ialah menjadi pengikut atau penyokong mana-mana parti politik berdasarkan kepada suami mereka. Oleh itu sebahagian besar kaum wanita kampung ini menjadi penyokong kepada parti UMNO kerana purata kaum lelaki kampung ini adalah penyokong UMNO. kaum wanita di tempat kajian ini hanya menjalankan aktiviti mengundi apabila tiba masa mengundi, lain-lain aktiviti politik tidak disertai oleh kaum wanita di kampung ini sama ada wanita yang bekerja atau wanita tidak bekerja.

#### 4.8. PENUTUP.

Ternyata wanita kampung ini tetap memberi kedudukan yang tinggi terhadap kerja-kerja 'feminine' dan tugas domestik seorang isteri tidak kira sama ada beliau seorang isteri bekerja atau tidak. Perubahan hanya jelas terlihat daripada segi membuat keputusan terutamanya dalam soal pengurusan perbelanjaan keluarga, kaum wanita telah menunjukkan peranan penting mereka.

Apa yang ketara bagi kaum wanita di kampung ini, mereka tidak banyak melibatkan diri dalam aktiviti luar secara formal. Bagi wanita yang bekerja penglibatan mereka langsung tidak ada. Ini dipengaruhi oleh faktor masa dan kesedaran.

NOTA HUJUNGAN.

1. Desnawati Soelaiman Djamaan, 'Peranan Wanita Luar Bandar dalam Bidang Sosio-ekonomi', Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi Dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1980/81, Hlm. 61.
2. KEMAS merupakan nama ringkas bagi Bahagian Kemajuan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
3. Norehan Md. Omar, 'Peranan Wanita Luar bandar dalam Sosio-ekonomi', Latihan Ilmiah, jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/86, Hlm. 87.

## BAB 5

### RUMUSAN

#### PENGENALAN

- 5.1. LATAR BELAKANG MEMBAWA PERUBAHAN PERANAN WANITA DALAM EKONOMI
  - a. Kepentingan ekonomi.
  - b. Pelajaran.
  - c. Umur wanita.
  - d. Perubahan sosial.
- 5.2. PANDANGAN MASYARAKAT KAMPUNG TERHADAP PERANAN WANITA SEBAGAI SURIRUMAH.
- 5.3. PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP PERANAN WANITA BEKERJA.
- 5.4. SARANAN DAN CADANGAN.
- 5.5. PENUTUP.

## PENGENALAN

Berdasarkan perbincangan bab-bab yang lalu, latihan ilmiah ini bertujuan untuk melihat sejauh mana perubahan telah meresapi kaum wanita, khususnya kajian ini melihat sejauh mana wanita di kampung ini telah berubah dari segi ekonomi dan implikasi perubahan ini terhadap keluarga. Di antara hujah-hujah yang disarankan oleh para sarjana seperti yang diterangkan dalam bab satu latihan ilmiah ini adalah pertamanya, peringkat penglibatan wanita yang bersuami akan menyebabkan persamaan peranan di antara wanita dan lelaki, iaitu kedua-duanya terlibat dengan fungsi menjaga dan mencari nafkah hidup. Saranan yang kedua pula menyatakan kewajipan wanita di luar rumah, kemungkinan besar, pihak lelaki membantu kerja-kerja rumah dan penjagaan anak. Walaupun begitu, ini tidak memberi implikasi tentang pembahagian tugas yang seimbang.

Terdapat dua pendekatan aliran pemikiran yang menjelaskan peranan wanita. Aliran pemikiran yang pertama adalah aliran pemikiran yang berorientasikan faktor biologi adalah faktor efektif yang mempengaruhi perbezaan peranan dan kedudukan di antara lelaki dan wanita. Mereka menyarankan bahawa wanita mempunyai bentuk badan yang sesuai untuk melahirkan dan menyususkan anak. Oleh itu wanita adalah tereikat dengan rumah tangga bagi menjalankan aktiviti-aktiviti seperti memasak, mengemas rumah, menjaga anak dan mempunyai masa yang terhad dengan hal-hal di luar rumah. Aliran pemikiran yang kedua pula dikenali sebagai golongan

modenist. Golongan ini menyarankan bahawa peranan jantina bukanlah satu warisan biologi, tetapi berdasarkan kepada keadaan sosial dan budaya.

Dari kajian yang dijalankan, beberapa penemuan utama telah saya perolehi. Penemuan pertama saya; terdapat perubahan peranan wanita di kampung ini dalam aktiviti ekonomi. Penumpuan pekerjaan tidak lagi terbatas kepada sektor pertanian sahaja, malah telah merangkumi sektor industri, kilang dan perkhidmatan. Ini adalah kesan daripada pembangunan ekonomi moden. Tetapi apa yang jelas dari kajian saya, secara keseluruhannya penglibatan wanita kampung ini dalam aktiviti ekonomi adalah terhad kepada jenis-jenis pekerjaan yang tertentu, hinggakan pekerjaan ini dianggap sebagai 'pekerjaan wanita'. Jenis-jenis pekerjaan yang dikhurasukan untuk wanita mempunyai tiga ciri utama. Pertama, jenis-jenis pekerjaan ini tidak memerlukan penggunaan tenaga fizikal yang banyak. Kedua, jenis-jenis kerja yang ditawarkan itu adalah rumit, membosankan dan memerlukan ketelitian seperti memasang komponen kecil alat elektronik dan menaip atau memerlukan melayan pelanggan seperti pandu pelancong dan jururawat. Ketiga, jenis-jenis pekerjaan ini juga umumnya tidak memerlukan kelulusan akademik atau kemahiran yang tinggi.

Dari penemuan ini ternyata bahawa walaupun telah terdapat perubahan peranan wanita dalam sektor ekonomi, tetapi penglibatan mereka dalam jenis-jenis pekerjaan ini masih dipengaruhi oleh faktor-faktor biologi, fizikal dan

psikologi. Contohnya tugas sebagai guru, jurutaip dan jururawat dianggap sesuai dengan sahsiah wanita yang mempunyai ciri-ciri keibuan dan menjalankan tugas menguruskan rumahtangga selama ini. Ini adalah selaras dengan saranan golongan aliran pemikiran yang berorientasikan faktor biologi.

Penemuan kedua, ialah, walaupun sudah ada perubahan peranan yang dimainkan oleh wanita dalam bidang ekonomi di luar rumah, tetapi mereka masih lagi dibebani oleh tugas-tugas domestik. tetapi mereka masih lagi dibebani oleh tugas-tugas domestik. Walaupun kedua-dua suami isteri dalam sesebuah keluarga itu bekerja, bebanan tugas rumahtangga masih dipikul oleh pihak isteri. Peranan dan kedudukan suami isteri ini diwujudkan melalui perkahwinan<sup>1</sup>. Dalam tugas-tugas domestik ini, seperti memasak, mengemas rumah, membasuh dan menggosok pakaian tidak dibebankan ke atas pihak suami, mereka boleh melakukannya secara sukarela dalam konteks membantu pihak isteri. Ternyata masyarakat kampung ini juga telah mengalami proses sosialisasi bahawa tugas-tugas domestik yang bersifat 'private' itu adalah untuk wanita. Ini menunjukkan bahawa saranan oleh ahli-ahli sarjana seperti Blood dan Hamblin (1950), Hall dan Schroeder (1970) dan Holmstrom (1972) bahawa kewajipan wanita di luar rumah kemungkinan besar, pihak suami membantu kerja-kerja rumah adalah tidak tepat di kampung ini. Ternyata saranan yang dikemukakan oleh Hoffman (1976) iaitu peringkat penglibatan wanita yang bersuami akan menyebabkan persamaan

peranan di antara wanita dan lelaki, iaitu kedua-duanya terlibat dengan fungsi menjaga dan mencari nafkah juga adalah tidak tepat di kampung ini. Walau bagaimanapun perubahan dilihat dalam hubungan kekeluargaan adalah kadang-kala pihak suami membantu isteri dalam soal penjagaan anak bagi isteri yang bekerja. Tetapi ini tidak bererti wujud pembahagian tugas yang adil di antara lelaki dan wanita dalam urusan rumahtangga. Lelaki masih dianggap sebagai ketua rumah dalam sesebuah keluarga. Oleh itu lelaki tidak dibebani dengan urusan domestik.

Penemuan ketiga, ialah, penyertaan wanita dalam bidang pekerjaan di luar sektor pertanian di kampung ini, dipengaruhi oleh faktor pendidikan moden yang diterima oleh mereka. Pendidikan moden ini adalah kesan dari proses modenisasi yang sedang melanda di negara kita ini dan ini adalah selaras dengan saranan golongan modenist tentang peranan jantina bukanlah satu warisan biologi, tetapi bergantung kepada faktor sosial dan budaya. Walaupun purata kaum wanita di kampung ini tidak menerima pendidikan yang tinggi, hanya sekadar tamat sekolah rendah dan sekolah menengah, tetapi hal ini sudah memadai untuk mereka memperolehi pekerjaan separuh mahir dan tidak mahir seperti menjadi buruh kilang, juruaip dan kerani rendah. Sekaligus hal ini mempengaruhi pendapatan yang diperolehi oleh mereka iaitu pekerjaan yang menjanjikan pendapatan yang rendah.

Penemuan yang terakhir ialah wanita kampung ini tidak aktif melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sosial dan tidak melibatkan diri dalam sebarang persatuan. Penglibatan mereka hanyalah dalam KEMAS, tetapi sambutan yang diberikan oleh wanita kampung ini adalah tidak menggalakkan.

Apa yang jelas dari kajian yang dibuat dapat dirumuskan bahawa kedua-dua pendekatan aliran pemikiran tentang peranan wanita seperti yang dijelaskan dalam bab satu latihan ilmiah ini iaitu aliran pemikiran yang berorientasikan faktor biologi dan golongan modenist adalah pendekatan yang sesuai untuk menerangkan peranan dan kedudukan wanita di Kampung Sungai Kembong Hilir. Daripada kajian yang dilakukan ini juga dapat dirumuskan beberapa faktor yang membawa perubahan peranan wanita dalam ekonomi, di kampung Sungai Kembong Hilir ini. Di antara faktor-faktor tersebut adalah kepentingan ekonomi, pelajaran, umur wanita dan perubahan sosial. Kesemua faktor ini merupakan latar belakang yang membawa perubahan peranan wanita di kampung ini.

#### **5.1. LATAR BELAKANG YANG MEMBAWA PERUBAHAN PERANAN WANITA DALAM EKONOMI.**

##### **a. Kepentingan ekonomi.**

Kepentingan ekonomi ini mempunyai hubungkait dengan taraf ekonomi suami yang rendah dan saiz keluarga yang besar serta umur anak-anak yang masih muda dan tidak berupaya menyumbangkan sebarang tenaga yang boleh menambahkan

pendapatan keluarga. Kepentingan ekonomi ini merupakan faktor utama yang membawa penglibatan kaum wanita di luar rumah dan seterusnya mempengaruhi perubahan peranan kaum wanita sebagai seorang isteri mahupun ibu<sup>2</sup>. Ini kerana apabila seseorang wanita yang telah berkahwin itu melibatkan diri dalam bidang pekerjaan, beliau terpaksa pandai menguruskan masanya dengan cekap supaya tidak menjelaskan tugasnya di luar rumah dengan tanggungjawab tradisinya sebagai isteri dan ibu. Hal ini ada dibincangkan di bab tiga. Ekonomi suami yang rendah dengan jumlah anak yang ramai dan masih kecil secara langsung memerlukan seorang isteri itu melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi di luar rumah untuk menambah pendapatan keluarga. Keadaan ini berbeza dengan wanita yang tergolong dalam saiz keluarga yang kecil, walaupun pendapatan suaminya adalah rendah tetapi itu mencukupi jika dibandingkan dengan keluarga yang besar saiznya. Tambahan lagi jika anak-anak sudah besar dan bekerja, seorang isteri dan ibu itu tidak perlu bekerja kerana bantuan kewangan boleh diperolehi daripada anak-anak. Wanita yang bergelar janda juga terpaksa bekerja di luar rumah dan sekaligus ini membawa perubahan peranan mereka. Wanita ini bukan lagi menjadi ibu kepada anak-anaknya, tetapi terpaksa menjadi ketua rumah dan bapa dalam keluarganya.

**b. Pelajaran.**

Latar belakang pendidikan kaum wanita juga memainkan peranan penting yang membawa perubahan penglibatan wanita kampung ini dalam ekonomi. Walaupun purata wanita di kampung ini mempunyai taraf pendidikan setakat tamat sekolah rendah dan menengah sahaja, tetapi hal ini sekurang-kurangnya membawa peluang untuk mereka terlibat dalam aktiviti ekonomi di luar sektor pertanian sebagai pekerja separuh mahir dan tidak mahir terutamanya sebagai buruh kilang. Ini kerana bekerja sebagai buruh kilang tidak memerlukan taraf pendidikan yang tinggi, cukup sekadar tamat darjah enam dan sekolah menengah. Fenomena ini seterusnya mempengaruhi pendapatan yang diterima oleh wanita bekerja kampung ini iaitu berpendapatan rendah.

**c. Umur wanita.**

Kreps menyatakan bahawa umur adalah di antara angkuah penting di samping kepentingan ekonomi, pelajaran dan saiz keluarga yang mempengaruhi penglibatan wanita dalam aktiviti-aktiviti di luar rumah atau tenaga kerja khususnya.<sup>3</sup> Umur yang semakin tua dikaitkan dengan taraf kesihatan dan keupayaan wanita kampung ini dan akhirnya membataskan pergerakan seseorang wanita itu. Ini jelas dalam perbincangan di bab tiga tentang surirumah yang tidak bekerja. Pureata mereka berumur 45 tahun dan bagi golongan isteri dan ibu muda pula, mereka tidak bekerja disebabkan taraf

pendidikan mereka iaitu mereka tergolong dalam kumpulan yang bersekolah rendah tetapi tidak tamat persekolahan mereka, hanya peringkat darjah satu, dua atau tiga sahaja. Orang-orang tua biasanya hanya melakukan kerja-kerja yang ringan, seperti membersihkan kawasan persekitaran rumah, menyiram tanaman dan melayan cucu. Golongan ini merupakan golongan surirumah sepenuh masa. Tetapi golongan ini juga yang lebih suka menyertai kegiatan-kegiatan agama yang diadakan di kampung ini, kerana kegiatan rumah tangga semakin berkurangan. Mereka mempunyai masa terluang dan lebih jika dibandingkan dengan golongan wanita yang bekerja. Wanita berkahwin yang tidak bekerja serta masih muda pula, lebih suka bergiat dalam aktiviti sosial seperti kelas memasak, menjahit serta gubahan.

#### d. Perubahan sosial.

Menurut Paitoon Cruagao dalam kajiannya terhadap masyarakat luar bandar Negeri Thai, agen yang menyebabkan perubahan sosial ialah 'modern innovation'.<sup>4</sup> 'Modern innovations' merebak dari bandar ke kampung-kampung dalam dua bentuk iaitu kebendaan dan bukan kebendaan.<sup>5</sup> Perubahan yang dikatakan bukan kebendaan termasuklah nilai dan fikiran-fikiran baru. Sebagai contoh terbaik, daripada segi perubahan sikap dan pandangan suami adalah penting untuk membaskan para isteri dan ibu terlibat dalam aktiviti di luar rumah, iaitu dengan memberi galakkan kepada isteri supaya

bergiat dalam sektor ekonomi. Mereka tidak membantah jika isteri mereka ingin membantu menambahkan pendapatan keluarga, lebih-lebih lagi jika saiz keluarga adalah besar.

Selain daripada perubahan sikap pada golongan suami, perubahan sikap pada golongan wanita sendiri adalah penting, iaitu mereka hendaklah berfikiran terbuka dan bersedia menerima unsur-unsur asimilasi yang ada dalam kehidupan harian mereka. Faktor perubahan sikap ini jelas terlihat pada golongan wanita di tempat kajian.

Selain itu kemudahan jalanraya dan pengangkutan memudahkan wanita kampung ini mencari peluang pekerjaan di luar kawasan kampung. Faktor kebendaan seperti ini adalah amat penting mempengaruhi penglibatan wanita kampung ini bekerja dalam sektor ekonomi yang pelbagai dan sekaligus membawa perubahan peranan mereka dalam ekonomi.

## 5.2. PANDANGAN MASYARAKAT KAMPUNG TERHADAP PERANAN WANITA SEBAGAI SURIRUMAH.

Purata penduduk kampung ini sama ada lelaki atau perempuan, masih menganggap bahawa seseorang isteri dan ibu itu mestilah tidak terlepas daripada tugas-tugas tradisi mereka iaitu dalam lingkungan domestik. Pandangan ini adalah selaras dengan pandangan golongan yang berorientasi kan kepada faktor-faktor biologi dalam pembahagian tugas di

antara lelaki dan wanita seperti yang telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam bab satu latihan ilmiah ini. Penduduk kampung ini umumnya menjangkakan setiap isteri dan ibu itu menjalankan semua tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Ini merupakan satu pandangan yang ideal terhadap peranan yang harus dimainkan oleh surirumah. Di samping penjagaan diri, anak-anak dan suami yang sempurna, seorang isteri juga mesti bijaksana membahagiakan masa di antara suami, anak dan orang lain.

Dalam masyarakat Kampung Sungai Kembong Hilir ini, seorang surirumah yang berjaya menjalankan tugasnya dengan berkesan dan sempurna akan dipandang tinggi serta menjadi contoh tauladan. Daripada perbincangan dalam bab tiga dan empat didapati bahawa surirumah juga dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab untuk melaksanakan hampir kesemua perkara yang berkaitan dengan urusan rumahtangga. Wanita juga main peranan penting dalam membuat keputusan terutama dalam soal pengurusan perbelanjaan rumahtangga. tetapi dalam soal penamaan anak, kuasa masih banyak terletak ditangan kaum lelaki.

### 5.3. PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP PERANAN WANITA BEKERJA.

Bagi masyarakat Kampung Sungai kembong Hilir ini, wanita bekerja bukanlah suatu fenomena yang baru. Tetapi pada waktu dahulu, penglibatan wanita dalam bidang ekonomi hanyalah terhad dalam sektor pertanian sahaja iaitu sebagai

penoreh, pesawah dan pekebun. Namun, semasa kajian ini dijalankan sudah ramai wanita kampung ini yang melibatkan diri di luar sektor pertanian, malah generasi muda kampung ini tidak lagi berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti pertanian terutamanya sebagai penoreh getah. Inilah perubahan ketara yang jelas dapat dilihat iaitu perubahan daripada segi penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi yang pelbagai. Ini jelas dalam perbincangan bab dua dan tiga latihan ilmiah ini. Masyarakat kampung ini umumnya sudah dapat menerima perubahan ini tetapi, masih menganggap bahawa walaupun wanita itu telah bekerja tetapi tugas-tugas tradisinya sebagai seorang isteri dan ibu tidak boleh diabaikan. Hal ini turut dijelaskan melalui beberapa tulisan oleh beberapa orang sarjana yang menyentuh masalah penjagaan anak-anak bagi para isteri yang bekerja. Masalah anak terbiar dan terlibat dalam masalah sosial sering dikaitkan dengan isteri dan ibu yang bekerja. Contoh tulisan adalah yang dihasilkan oleh Kamariah Ismail yang berjudul 'Child Care Services for Working Women in Malaysia',<sup>6</sup> dan juga hasil tulisan oleh Azizah Kassim yang berjudul 'Antara Kerjaya dan Rumahtangga - Masalah Pekerja Wanita dan Penyelesaiannya' dalam buku 'Wanita dan masyarakat'.<sup>7</sup> Ini menunjukkan masih ramai yang menganggap bahawa tempat wanita adalah di rumah dan tugas utama mereka adalah menguruskan rumahtangga walaupun mereka merupakan seorang isteri dan ibu yang bekerja.

Masyarakat kampung ini juga mengakui bahawa hidup

berumahtangga perlukan saling bantu-membantu dan semangat bekerjasama di antara satu sama lain. Oleh kerana itulah penduduk kampung ini dapat menerima wanita yang bekerja sepenuh masa di luar rumah.

#### 5.4. SARANAN DAN CADANGAN.

Kaum wanita di Malaysia telahpun dilibatkan dalam proses pembangunan negara. Walau bagaimanapun penglibatan mereka belum boleh dikatakan sepenuhnya serta memberi faedah menyeluruh.<sup>8</sup> Ini mungkin dipengaruhi oleh taraf pelajaran yang rendah. Ramai di antara kaum wanita tidak sedar akan hak asasi dan kedudukan sendiri dan mereka masih samar-samar tentang sumbangan yang boleh diberikan kepada negara.<sup>9</sup> Hal ini adalah benar di tempat kajian yang dijalankan oleh saya. Dari temubual yang dilakukan masih ramai golongan wanita kampung ini yang tidak mampu memberikan jawapan yang memuaskan tentang peranan yang boleh mereka lakukan untuk pembangunan negara. Ini mungkin disebabkan taraf pendidikan mereka yang rendah. Jadi sewajarnyalah kerajaan memberi perhatian yang lebih berat kepada golongan wanita kampung ini khasnya dan wanita luar bandar umumnya supaya timbul kesedaran di kalangan mereka untuk mempunyai semangat daya saing.

Dari kajian yang saya jalankan, saya dapati penyebaran ilmu pengetahuan dan aktiviti sosial untuk kaum wanita

kampung ini disalurkan melalui KEMAS, malangnya aktiviti yang dianjurkan oleh KEMAS ini, Kelas Ekonomi Rumahtangga dan Program Pendidikan Masyarakat (Kelas agama), tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dari kaum wanita kampung ini. Ini mungkin disebabkan masa yang tidak sesuai semasa aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan iaitu pada hari Isnin dan Selasa. Sedangkan pada waktu ini ramai golongan wanita kampung ini terlibat dalam aktiviti ekonomi di luar rumah dan bagi wanita yang tidak bekerja pula mereka sibuk menguruskan urusan rumahtangga kerana suami bekerja dan anak-anak pula bersekolah. Sepatutnya aktiviti seperti ini diadakan pada hujung minggu. Pihak KEMAS cawangan kampung ini sepatutnya menyusun semula jadual aktiviti di kampung ini. Sekiranya tenaga pengajar kekurangan untuk didatangkan ke kampung ini, satu usaha yang tegas perlu dilakukan supaya dapat memenuhi kekurangan tersebut. Tanpa usaha-usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh, saluran pembangunan dan kemajuan melalui KEMAS ini akan sia-sia sahaja dalam usaha mewujudkan kesedaran di kalangan kaum wanita di kampung ini.

Pihak KEMAS juga sepatutnya mempelbagaikan lagi aktiviti-aktiviti di bawah Program Pendidikan Masyarakat, tidak hanya terhad kepada aktiviti kelas agama sahaja. Aktiviti-aktiviti seperti Rancangan Pedoman Tugasan, Rancangan Desa Usaha dan Kumpulan Latih Kerja sepatutnya dilancarkan di kampung ini supaya pemikiran kaum wanita di kampung ini lebih terbuka. Kepelbagaian aktiviti ini adalah

penting kerana dengan cara beginilah usaha-usaha untuk memajukan dan memodenkan masyarakat kampung ini amnya dan wanita kampung ini boleh dicapai. Contohnya Rancangan Pedoman Tugasan yang merupakan salah satu daripada aktiviti yang terdapat di bawah Program Pendidikan Masyarakat merupakan satu aktiviti yang bertujuan untuk membasmi buta huruf di samping memperbaiki keadaan dan sosial masyarakat. Aktiviti ini sesuai sekali dijalankan di kampung ini dengan mengadakan kelas dewasa kerana masih ramai lagi golongan wanita kampung ini terutamanya golongan yang berumur 40 tahun ke atas tidak mahir membaca dan menulis. Keadaan ini menyebabkan peluang untuk mereka menimba ilmu pengetahuan dan mengetahui perkembangan dunia luar melalui pembacaan adalah terhad.

Semasa kajian ini dijalankan saya dapati di kampung ini tidak terdapat sebarang perpustakaan desa sama ada di kampung ini atau di kampung yang berdekatan. Perkhidmatan ini adalah perlu sebagai langkah menggalak bacaan buku untuk memupuk minat melibatkan diri dalam proses pembangunan. Perpustakaan ini juga boleh memberi kemudahan dan menyediakan bahan-bahan bacaan untuk masyarakat luar bandar; menyediakan buku-buku rujukan untuk para penuntut-penuntut sekolah rendah dan sekolah menengah; menyediakan maklumat-maklumat hal-hal semasa supaya masyarakat luar bandar sentiasa mengikuti perkembangan pembangunan negara. Masyarakat luar bandar perlu dibantu dan diberi galakkan

dalam soal ini kerana ramai daripada mereka tidak mempunyai peruntukan kewangan yang cukup untuk membeli bahan-bahan bacaan ilmiah di samping kurang kesedaran tentang betapa pentingnya semangat membaca. Jadi sewajarnyalah langkah-langkah diambil supaya sebuah perpustakaan desa diadakan di kampung ini atau sekurang-kurangnya perkhidmatan perpustakaan beregerak disediakan di kampung ini.

Persatuan Belia kampung ini tidak aktif. Pihak pentadbiran kampung sepatutnya memainkan peranan untuk mewujudkan semula Persatuan Belia tersebut dengan menjalankan usaha-usaha yang gigih. Daripada kajian yang dijalankan didapati golongan belia kampung ini tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti sosial. Sekiranya ada Persatuan Belia sekurang-kurangnya aktiviti sukan untuk golongan belia dapat dijalankan. Di samping itu kampung ini mempunyai kawasan yang luas untuk dijalankan pelbagai aktiviti pertanian dan penternakan. Melalui persatuan, kebun sayur berkumpulan dan penternakan ikan air tawar dapat diusahakan dan sekaligus memberi peluang kepada golongan belia kampung ini mempunyai aktiviti berkumpulan serta memenuhi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah. Di samping itu juga aktiviti seperti ini juga boleh membantu golongan belia tersebut memperolehi kewangan untuk tabungan persatuan jika dijual hasil pertanian dan ternakan mereka itu. Sekiranya bersungguh-sungguh aktiviti kebun sayur dan menternak ikan air tawar itu boleh dijadikan aktiviti komersial yang boleh mendatangkan keuntungan yang lumayan.

Agen-agen kerajaan daripada Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA), Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sepatutnya dihantar dengan lebih kerap lagi ke kampung ini sebagai usaha memberi penerangan tentang perkembangan yang sedang berlaku dalam negara dan sekaligus memerhati pembangunan-pembangunan yang sedang dialami oleh penduduk kampung ini amnya dan kaum wanita khususnya dengan membuat laporan lengkap supaya perancangan yang lebih teliti lagi dapat dibuat dan dilaksanakan di kampung ini oleh pihak kerajaan. Semasa kajian ini dijalankan, saya dapati daripada keterangan yang diterima, tidak ada pegawai-pegawai kerajaan yang datang ke kampung ini, melainkan pegawai daripada jabatan RISDA. Ke tiga-tiga jabatan tersebut mempunyai perancangan yang sesuai untuk pembangunan masyarakat luar bandar, tetapi jika sekadar teori sahaja, kejayaan sudah pasti tidak mampu dicapai. Objektif HAWA misalnya, adalah untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam proses pembangunan dan menjamin bahawa rancangan-rancangan pembangunan negara mengambilkira sepenuhnya akan integrasi wanita dengan memberi peluang dan kemudahan yang saksama.<sup>10</sup> Di antara bidang tugas HAWA adalah membuat pengawasan perlaksanaan keputusan-keputusan dasar atau projek-projek mengenai wanita yang bertujuan memberi maklum balas kepada kerajaan, berkenaan kesan perlaksanaan sesuatu program atau projek untuk wanita.<sup>11</sup> Objektif HAWA ini sememangnya boleh dibanggakan tetapi jika setakat teori sahaja, sebarang perubahan tidak akan berlaku

ke atas kampung ini.

Masyarakat kampung dan golongan wanitanya merupakan satu masyarakat yang menerima pemodenan kesan dari pembangunan dan kemajuan yang muncul di bandar-bandar, jadi mereka perlu diberi galakkan dan bimbingan supaya mereka tidak tinggal jauh kebelakang jika dibandingkan dengan masyarakat bandar. Oleh kerana itulah peranan kerajaan amat penting sekali, kerana purata penduduk luar bandar adalah serba kekurangan terutama daripada segi pengetahuan tentang pembangunan dan pemodenan.

#### 5.5. PENUTUP.

Walaupun kaum wanita kampung ini telah mengalami perubahan pekerjaan dan melakukan pekerjaan di luar rumah-tangga, tetapi ini bukanlah sebagai alasan untuk mereka meninggalkan tugas tradisi sebagai surirumah, isteri dan ibu.

Pola keluarga juga mempengaruhi peranan seseorang wanita yang telah kahwin. Dalam keluarga asas isteri yang bekerja mempunyai tanggungjawab yang lebih berat jika dibandingkan dengan isteri bekerja yang tergolong dalam keluarga luas, iaitu yang tinggal bersama ibu atau mempunyai anak perempuan yang telah berkahwin dan tinggal bersama. Bagi keluarga asas, jika seseorang isteri dan ibu itu mempunyai anak perempuan yang telah besar, anak tersebut

dapat membantu ibunya dalam urusan rumah tangga seperti memasak, membersih dan menggosok pakaian, mencuci pinggan-mangkuk dan mengemas rumah serta menjaga adik yang masih kecil. Pembahagian tugas ini dapat dilakukan. Tetapi jika wanita tersebut mempunyai anak-anak yang masih kecil dan bekerja pula sebagai tenaga buruh sepenuh masa, beban kerja semakin bertambah dan terpaksa mencari penjaga kepada anak-anak mereka. Ini bermakna masa mereka bersama anak-anak telah kurang.

Walaupun wanita terus dilingkari oleh tugas-tugas tradisinya, tetapi ternyata faktor ini tidak menghalang kaum wanita kampung ini melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi diluar rumah. Terdapat faktor-faktor lain turut mempengaruhi peranan mereka dalam sosio-ekonomi seperti pandangan golongan modenist yang telah dibincangkan dalam bab satu. Dalam waktu yang sama, wujud faktor-faktor yang menghalang perkembangan peranan wanita dalam sosio-ekonomi. Walau apapun ternyata kaum wanita merupakan satu sumber tenaga yang penting dan sepatutnya tidak disia-siakan. Oleh itu langkah-langkah perlu diadakan untuk mengajar dan menggalakkan kaum wanita menyedari hak-hak dan kedudukan mereka, bagaimana menggunakan dengan berkesan serta sumbangan-sumbangan yang diharapkan dari mereka dalam usaha menjayakan pembangunan negara.

**NOTA HUJUNGAN**

1. Makalah Wan Azmi Ramli, **The Star**, 18.2.1972. (Terjemahan).
2. Norehan Md. Nor, 'Peranan Wanita Luar Bandar dalam Sosio-ekonomi', Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti malaya, 1985/86.
3. J.M. Kreps, **Women and American Economy**, Prentice Hall Inc., New Jersey, 1976, Hlm. 66.
4. Paitoon Cruogao, 'Changing Thai Society: A Study of Impact of Urban Cultural Traits and Behaviour Upon Rural Thailand', Thesis Ph. D., University of Cornell, 1962, Hlm. 10.
5. **Ibid**, Hlm. 10.
6. Kamariah Ismail, 'Child Care Services for Working Women in Malaysia', dalam **Women & Employment in Malaysia**, Edited by Hing Ai & Rokiah Talib, Keluaran Khas jurnal Manusia dan masyarakat, department of Anthropology & Sociology, University of Malaya, University of Malaya Women's Association The Asia & Pacific development Centre, 1986, Hlm. 141-162.
7. Azizah Kassim, 'Antara kerjaya dan Rumahtangga - Masalah pekerja Wanita dan penyelesaiannya' dalam **Wanita dan Masyarakat**, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1985, Hlm. 54.
8. **NACIWID**, Rancangan Tindakan 1981-1985 Majlis Pensiasih kewangsaan mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan: Urusetia Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana menteri, Mei, 1983, Hlm. 4.
9. **Ibid**, Hlm. 6 dan 7.
10. Wan Azmi Ramli, **Pembangunan Masyarakat: Dari Perspektif Kebajikan**, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 1992, Hlm. 344.
11. **Risalah HAWA**, Jabatan Perdana Menteri.

BIBLIOGRAFI

DITERBITKAN

Anis Sabirin, Peranan Wanita Baru, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1969.

Azizah Kassim, Wanita dan Masyarakat, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1985.

Azizah Kassim, 'Wanita dan Pemilikan Tanah dalam Masyarakat Adat Perpatih' dalam Ilmu Masyarakat, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, April-September, 1986.

Bourgnignon, Erika, 'A World of Women: Anthropological Studies of Women in The Societies of The World', Praeger, New York, 1980.

Boulding, Elisa, 'Women In The Twentieth Century', Beverly Hill, Halsted Press, New York, 1977.

Byrne, M Eileen, 'Women and Education', Tavistock, London, 1978.

Cecilia Ng, 'Gender and The Division of Labour: A Case Study' dalam Women And Employment In Malaysia, oleh Hing AY dan Rokiah Talib, Keluaran Khas Jurnal Manusia dan Masyarakat, Department of Anthropology & Sociology, University of Malaya Women's Association, The Asia & Pacific Development Centre, Kuala Lumpur, 1986.

Clinton, K., Feminism: An Analysis and Assessment, University Microfilm Limited, High Wycombe, England A Xerox Company, Ann Arbor, Michigan, U.S.A., 1972.

Cruagao Paitoon, 'Changing Thai Society: A Study of Impact of Urban Cultural Traits and Behaviour Upon Rural Thailand', Thesis Ph.D., University of Cornell, 1962.

Dancz, Helen Virginia, Women and Party politics Peninsular Malaysia, Oxford University, Singapore press, 1987.

Davies, Ross, Women and Work, Hutchinson, London, 1975.

Eleonora Masini and Susan Stratigos, Women, Household and change, Nation University Press, 1991.

Eisenstein, Zillah R, Capitalism, Patriarchy and Job Segregation By Sex.

Evelyn Hong, Malaysian Women : Problems and Issues, Consumers Association of penang, Penang, 1983.

Ghosh, Srikanta, Women in a Changing Society, Ashish Pub, House, New delhi, 1984.

G.M. Swift 'Men and Women in Many Society' dalam Women in The New Asia: The Changing Social Roles of Men and Women in Southeast Asia, Paris, UNESCO.

Jamilah Ariffin, Women Development in Malaysia, Pelanduk Publications, Selangor, 1992.

Kamariah Ismail, 'Child services for Working Women in Malaysia', dalam Women and Employment in Malaysia, edited by Hing AY dan Rokiah Talib, Keluaran Khas Jurnal Manusia dan Masyarakat, Department of Anthropology & Sociology, University of Malaya, University of Malaya Women's Association, The Asia & Pacific Development Centre, 1986.

Newland, Kathleen, Women, Men and The Devision of Labour, Worldwatch Institute, Washington, D.C., 1980.

Nik Safiah Karim, Harapan dan cabaran, 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1990.

Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (NACIWID), Rancangan Tindakan 1981-1985, 'Wanita Dalam Pembangunan', Urus Setia Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

International Encyclopedia of Social Sciences, Vol. 5.

Syed Husin Ali, Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.

Sajogyo, Pudjiwati, Peranan Wanita Dalam Pembangunan Masyarakat Desa, Rajawali, Jakarta, 1983.

Women, Health and Development: A report by The Director-General, World Health Organization, Geneva, 1985.

Women and National Development: The Complexities of Change, edited by Wellesley Editorial Committee, Ximana, Bunster B... (et. alii), Chicago, University of Chicago Press, 1977.

#### TIDAK DITERBITKAN.

Azizah Salleh, 'Peranan Wanita Dalam Masyarakat', Latihan Ilmiah, Fakulti Usulludin dan Kemasyarakatan, Yayasan Pengajian Tinggi Islam, Kelantan, 1981.

Desnawati Soelaiman Djamaan, 'Peranan Wanita Luar Bandar Dalam Bidang Sosio-ekonomi', Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1980/81.

Fadzil Mustafa, 'Peranan Wanita di Rancangan Kemajuan Tanah Bukit Badung, Terengganu', National University of Singapore, 1979/80.

Hasiah Mat Yusuf, 'Peranan Wanita dalam Bidang Sosio-ekonomi: Satu Kajian Kes di Kampung Batu 7, Jalan Kebun Helang, Selangor', Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 1985/86.

Khadijah Hj. Muhamad. 'Wanita dan pekerjaan', Thesis M.A., Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1970.

Norehan Md. Nor, 'Peranan Wanita Luar Bandar Dalam Sosio-ekonomi', Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/86.

Nooraini Hj. Ismail, 'Peranan Wanita Dalam Komuniti Nelayan di Kampung Perupok', Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976/77.

Makalah Wan Azmi Ramli, 'The Star', 18.2.1972.  
(Terjemahan).

Risalah HAWA, Jabatan Perdana menteri.

Sumber-sumber dari Pejabat Penghulu Mukim Beranang dan Ketua Kampung Sungai Kembong Hilir.

Zainal Kling, 'Wanita dalam Wawasan 2020 dari Perspektif Pembanqunan Negara', Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Wanita Abad Ke 21, Anjuran Persatuan Bahasa Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1992.

Zulkarnain Hj. Awang, 'Peranan Wanita Melayu Dalam Masyarakat Petani: Satu Kajian Kes Mengenai Peranan Sosio-ekonomi Wanita Dalam Masyarakat Penanaman Padi Kampung Gong Kala, Pasir Putih, Kelantan', Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973/74.